

Laporan
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR
AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2022

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (PULAU PINANG)
PENGAJARAN & PEMBELAJARAN

KETUA PTJ :

AHMAD RASHIDY BIN RAZALI

KETUA UNIT KUALITI :

ZUHaida BINTI MOHD ZAKI

PENYELARAS :

NOR AZLIZA BINTI AKBAR

PENULIS :

1. NOR AZLIZA BINTI AKBAR
2. NUR AFIQAH BINTI AB LATIF
3. MOHD HARIS RIDZUAN OOI BIN ABDULLAH
4. NUR SAKINAH BINTI BAHARUDIN
5. VICINISVARRI A/P INDERAN
6. SHARAF BIN AHMAD
7. WAN RUSNI BINTI WAN ISMAIL

8. NUR MASYITAH BINTI OSMAN
9. NURAINI BINTI TUTUR
10. NURULHUDA BINTI AMRI
11. MASTURA BINTI RAZALI
12. NUR SHAFIEZA BINTI AZIZAN
13. JOHANNA ADLIN BINTI AHMAD
14. ELLY JOHANA BINTI JOHAN
15. FADHLINA BINTI MAHAT
16. RAJA ROSILA BINTI RAJA BERAHIM
17. SHAHIRAH BINTI SAID
18. FARIDAH BINTI ABDUL RAZAK

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pendekatan perancangan yang digunakan oleh pengurusan UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP) adalah berlandaskan Visi dan Misi UiTM iaitu untuk menjadikan UiTM sebuah universiti terkemuka dunia dalam bidang sains, teknologi, kemanusiaan dan keusahawanan serta menjuarai pembangunan Bumiputera profesional yang tangkas menerusi kurikulum terkehadapan dan penyelidikan berimpak.

UiTM CPP dipimpin oleh Rektor yang juga sebagai penggerak utama, di bantu oleh Timbalan Rektor, Penolong Rektor (Kampus Bertam) dan Timbalan Pendaftar Kanan dan Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN). Seterusnya organisasi digerakkan bersama-sama Timbalan Bendahari, Timbalan Ketua Pustakawan dan Timbalan Pengarah Pengurusan Fasilitas serta Jawatankuasa Pengurusan Kanan. Jawatankuasa pengurusan kanan ini termasuklah Koordinator Program, Ketua Pusat Pengajian, Ketua Unit dan Ketua Jabatan. Keseluruhan organisasi ini bergerak seiring dalam memastikan segala perancangan terhasil dan petunjuk prestasi (PI) kampus dapat dicapai.

Terdapat dua struktur tadbir urus dalam perancangan pengurusan UiTM CPP iaitu **1) Eksekutif; 2) Operasi**. Struktur pertama adalah dibawah Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) dan struktur kedua adalah dibawah jawatankuasa pusat tanggungjawab (PTJ), pusat pengajian, fakulti dan jabatan UiTM CPP.

Segala inisiatif yang dirangka perlu mendapat kelulusan Rektor demi memastikan ianya selaras dengan Misi dan Visi UiTM dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Pelaksanaan bidang tumpuan (BT) iaitu Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) memfokuskan kepada akreditasi badan profesional dipilih berdasarkan tema amanat Naib Canselor UiTM bagi tahun 2021 (kompetensi global) yang menekankan kebolehpasaran graduan bukan sahaja di peringkat kebangsaan malah juga di antarabangsa.

Sehubungan dengan itu, UiTM CPP telah memainkan peranan penting bagi memastikan program-program yang ditawarkan di UiTM CPP mendapat pengiktirafan badan profesional seperti *Engineering Accreditation Council (EAC)*, *Engineering Technology Accreditation Council (ETAC)*, *Malaysian Board of Technologist (MBOT)*, Lembaga Kejururawatan Malaysia (LJM), *Malaysia Qualification Agency (MQA)*, *Malaysian Qualifications Register (MQR)* dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), dimana Unit Kualiti dan akreditasi UiTM CPP terlibat secara langsung dalam menjayakan BT.

Antara pencapaian yang penting tahun 2021 adalah penganugerahan selama 6 tahun akreditasi penuh dari EAC kepada tiga pusat pengajian kejuruteraan UiTM CPP iaitu kejuruteraan kimia, kejuruteraan elektrik serta kejuruteraan mekanikal. Pengurusan UiTM CPP memantau dengan sistematik dan berkala dengan keterbukaan komunikasi, perbincangan yang teliti di peringkat Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri, dan juga mesyuarat pengurusan yang lain.

Selain daripada itu, medium digital seperti WhatsApp, Facebook, laman sesawang dan email turut digunapakai untuk tujuan komunikasi dan pelaporan. Pendekatan ini amat penting untuk pihak atasan dan staf semasa pandemik COVID-19 berfungsi dalam mengenalpasti kekangan, punca masalah dan kaedah penambahbaikan yang bersesuaian. Pengurusan UiTM CPP sentiasa mendokong dengan menyediakan peruntukan bagi penambahbaikan dan peningkatan kepakaran staf akademik untuk menghadiri kursus bagi mendapat kelayakan profesional yang diperlukan.

Atas sokongan pihak pengurusan UiTM CPP pelbagai system P&P telah berjaya dibangunkan seperti OBE-ANAS, SSPOMS dan POSIM. Sistem ini bukan sahaja digunapakai di UiTM CPP malah juga turut memberi manfaat kepada kampus lain seperti UiTM Dungun, UiTM Pasir Gudang dan UiTM Sarawak. Lebih membanggakan, sistem ini juga sedang

digunapakai oleh institut luar, Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Temerloh. Pengurusan UiTM CPP juga menyokong baik inovasi yang dihasilkan dengan memberi kebenaran serta kemudahan kepada pensyarah terlibat berkongsi berkenaan sistem kepada kampus- kampus yang mengunapakai. Secara keseluruhan, pengurusan UiTM CPP telah memainkan peranan penting dalam mencapai sasaran bidang tumpuan iaitu pengajaran dan pembelajaran.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pendekatan kepada kualiti pendidikan dan pengiktirafan badan profesional menjadi satu bukti taraf pendidikan sistem pengajian dan pembelajaran. Selaras dengan **Pelan Strategik UiTM 2025** iaitu menjadikan UiTM antara universiti terkemuka dunia dengan salah satu daripada **3 Teras Strategik Pendidikan Berkualiti (Lampiran 1.2.1(a))** serta **Fokus Strategik KPT 2021 yang ketiga iaitu memperkukuhkan kebolehpasaran graduan (Lampiran 1.2.1(b)).**

“Kecemerlangan individu sahaja tidak cukup bagi menjamin kejayaan organisasi. Pencapaian sesebuah organisasi ialah hasil usahasama setiap individu dalam organisasi tersebut” – YB Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad (2021). Mendukung kata-kata tersebut, dalam mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) telah bersetuju mengambil bidang Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dengan memfokuskan aspek akreditasi sebagai tema AKNC 2021 UiTM CPP (**Lampiran 1.2.1(c)**). Jesteru itu bagi memenuhi Bidang Tumpuan (BT) yang telah dipilih dan berpegang kepada Amanat Tahun Baharu Naib Canselor 2021 beserta **Amanat Rektor UiTM CPP 2021, pengurusan UiTM CPP** telah merancang beberapa **langkah dan persediaan yang rapi**. Diketuai oleh Rektor UiTM CPP iaitu Professor Ts. Dr. Salmiah Kasolang dan dibantu oleh Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) (**Lampiran 1.2.1(d)**) **merangka strategi selaras dengan Visi, Misi, Objektif dan Nilai UiTM CPP dan bagi memastikan objektif strategik dicapai.**

Dalam memastikan dan menggalakkan penglibatan warga UiTM CPP terhadap keberhasilan BT, Rektor telah memperkenalkan dan menyebarkan **Perutusan Amalan Nilai Murni (Lampiran 1.2.1(e))** dengan pelancaran poster penekanan kepada **Continuous Quality Improvement (CQI)** yang juga merupakan salah satu daripada **Empat Inisiatif Murni sebagai budaya kerja warga UiTM CPP**. Ini dapat memberi **manfaat kepada universiti kearah melahirkan graduan yang cemerlang, penuh dengan nilai murni dalam semua bidang**. Dengan penekanan kepada CQI ini secara tidak langsung dapat **melahirkan staf yang berdaya saing, berinovasi dan juga mendapat pengiktirafan badan luar**. Selaras dengan itu juga, pengurusan UiTM CPP komited dalam merangka pelan yang sistematik dan memberi galakan serta inisiatif strategik melalui **Pelan Tindakan Strategik UiTM CPP 2021 iaitu dengan meletakkan Pembelajaran dan Pengajaran sebagai ‘Core Business’ kampus UiTM CPP (Lampiran 1.2.1(f)).**

SENARAI BUKTI:

1. [K0060_K01_KB02_20221_UiTM CPP_K1_LAMPIRAN 1.2.1.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengurusan UiTM CPP menggunakan **kaedah komunikasi dua hala (Lampiran 1.3.1(a))** dalam **menyampaikan dan menyebarkan maklumat** yang disasarkan kepada pihak yang berkenaan dalam BT. Kaedah ini diperkukuhkan dengan perluasan penyampaian melalui medium komunikasi digital rasmi seperti emel dan laman sesawang UiTM CPP serta tidak rasmi melalui aplikasi whatsapp dan telegram bersesuaian dengan keadaan semasa keperluan Bekerja Dari Rumah (BDR) (**Lampiran 1.3.1(b)**) bagi mendorong dalam menyokong inisiatif strategik pengajaran dan pembelajaran yang telah dirancang.

Seterusnya bagi pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik pengajaran dan pembelajaran, pengurusan UiTM CPP mewarwarkan keperluan keterlibatan semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) dalam **Bengkel Perancangan Strategik (lampiran 1.3.1(c))**. Disini, aktiviti dirangka bagi mencapai inisiatif yang ditetapkan di dalam petunjuk prestasi yang telah ditetapkan. Bagi tahun 2021, petunjuk prestasi merujuk kepada BT ini juga memfokuskan kepada **pembangunan staf, inovasi dan pengiktirafan badan luar (Lampiran 1.3.1(d))** seperti *Engineering Accreditation Council (EAC)*, *Engineering Technology Accreditation Council (ETAC)*, *Malaysian Board of Technologist (MBOT)*, Lembaga Kejururawatan Malaysia (LJM), *Malaysia Qualification Agency (MQA)*, *Malaysian Qualifications Register (MQR)* dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Seterusnya integrasi kepada Ketua Pusat Pengajian/Fakulti dilaksanakan untuk mencapai petunjuk prestasi tersebut dengan diterjemahkan dalam bentuk bengkel dan mesyuarat dalaman mengenai pelaksanaannya. Ini adalah selaras dengan petunjuk prestasi **Objektif Kualiti Kampus (OKK)**, **memastikan 100% kurikulum melalui proses semakan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 3-5 tahun** seperti yang dilampirkan dalam (**Lampiran 1.3.1(e)**).

Lantaran itu, kepimpinan kanan UiTM CPP sentiasa komited dalam memastikan segala keperluan sumber adalah mencukupi dalam menjalankan aktiviti berkaitan BT. Keperluan perancangan **pembangunan staf** juga dititikberatkan dengan pihak ketua pusat pengajian/fakulti diminta melantik ketua akreditasi bagi mengadakan satu jawatankuasa akreditasi dan juga **pelantikan staf UiTM CPP sebagai panel dalaman (Lampiran 1.3.1(f))**. Susulan itu juga melantik staf UiTM CPP sebagai **panel penilai luar (Lampiran 1.3.2(a))** dan staf berkelayakan jurutera profesional (**Lampiran 1.3.2(b)**), secara tidak langsung kepakaran ini dapat membantu memudahkan proses akreditasi di kampus UiTM CPP.

Tanda aras pencapaian dan objektif berkait dengan petunjuk prestasi diselaraskan dan dipantau melalui **pengukuran pencapaian PO program (Lampiran 1.3.2(c))** dengan sistematik dimana maklumbalas berterusan dikumpul, dianalisa dan diambil tindakan penambahbaik. Disamping itu, penjenamaan semula dan penstrukturran Unit Kualiti kepada **Unit Kualiti dan Akreditasi (Lampiran 1.3.2(d))** sebagai gabungan antara unit kualiti dan BHEA, bertanggungjawab dalam mengurus dan melaksanakan proses-proses kualiti melalui audit kualiti dan amalan pengurusan terbaik. Ini adalah bagi **memastikan penambahbaikan berterusan dalam sistem pengurusan kualiti UiTM CPP adalah mantap dan mengikut piawaian *integrated Quality Management System (iQMS)***.

SENARAI BUKTI :

1. [K0060_K01_KB03_20221_UiTM CPP_K1_LAMPIRAN 1.3.1.pdf](#)

2. [K0060_K01_KB03_20222_UiTM CPP_K1_LAMPIRAN 1.3.2.pdf](#)

3.

4.

5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Bagi memastikan perancangan yang dibuat mencapai sasaran indeks prestasi (PI) yang telah ditetapkan, pengurusan UiTM CPP mengamalkan pelan pemantauan berkala yang melibatkan pelbagai unit iaitu di peringkat pengurusan, pusat pengajian, pentadbir dan unit sokongan. **Mesyuarat adalah salah satu kaedah pengurusan penting yang diamalkan oleh pengurusan UiTM CPP** di mana hasil pencapaian dibentangkan di dalam mesyuarat seperti Mesyuarat Jawatankuasa Akademik, Mesyuarat Pusat Pengajian, Mesyuarat Hal Ehwal Akademik (BHEA), Mesyuarat Perancangan Strategik, Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP). **Lampiran 1.4.1.1(a)** menunjukkan minit mesyuarat yang membincangkan pemantauan dilakukan di setiap mesyuarat yang dinyatakan. **Lampiran 1.4.1.1(b)** menunjukkan pembentangan pencapaian PI mengikut perancangan yang telah dirancang.

Selain itu, **pemantauan juga dibuat oleh unit audit dalaman UiTM CPP secara berkala** sekurang-kurangnya sekali setahun di peringkat pusat pengajian dan juga peringkat kampus (**Lampiran 1.4.1.1(c)**). Tujuannya adalah untuk mengenalpasti kekurangan dan menambahbaik kaedah pengajaran setiap pensyarah melalui penilaian teaching portfolio (TP) and coursefile (CF). Dengan demikian, setiap pusat pengajian dapat bersedia dengan bukti yang kukuh dan lengkap sebelum menghadapi akreditasi. Lebih penting lagi, UiTM CPP telah melantik pakar-rujuk akreditasi supaya dapat membantu dalam proses penyediaan menghadapi akreditasi. **Lampiran 1.4.1.1(d)** menunjukkan petikan minit mesyuarat JKEN (Jawatankuasa Esekutif Negeri) yang menunjukkan perlantikan pakar-rujuk akreditasi.

Pelan pemantauan juga melibatkan pelbagai **pemegang taruh seperti pensyarah, pelajar, panel industri, pemeriksa luar dan sebagainya supaya bidang tumpuan mencapai hubungan antara hasil pembelajaran, aktiviti PdP, pentaksiran (CLO,PLO) dan seterusnya mencapai objektif kualiti UiTM CPP (Lampiran 1.4.1.1(e))**. Bagi staf akademik, dalam memastikan keberkesanan PdP serta profesionalisma pensyarah, Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) telah melaksanakan proses penilaian yang dinamakan Pemantauan Profesionalisma Pensyarah (PROPENS) serta Student Feedback Online (SuFO) (**Lampiran 1.4.1.2 (a)**).

Lebih dari itu, UiTM CPP amat menitikberatkan Outcome-Based Learning (OBE) yang menekankan kepada peningkatan kualiti berterusan (CQI). *Closing of the Loop* (CDL) ialah mekanisma untuk mengukur keberkesanan OBE. Mesyuarat diadakan di peringkat pusat pengajian dan dibentangkan di mesyuarat JAN. (**Lampiran 1.4.1.2 (b)**).

Untuk memudahkan pemantauan sistem OBE, UiTM CPP juga telah berjaya mencipta pelbagai sistem seperti OBE-ANAS, POsIMS dan SSPOMS. **Lampiran 1.4.1.2 (c)** menunjukkan carta aliran penggunaan sistem **OBE-ANAS, POsIMS dan SSPOMS** manakala **lampiran 1.4.1.2 (d)** menerangkan penggunaan sistem OBE-ANAS, POsIMS dan SSPOMS untuk memantau kualiti kursus serta program yang ditawarkan di UiTM CPP.

SENARAI BUKTI:

1. [K0060_K01_KB04_KC01_20221_UiTM CPP_K1_LAMPIRAN 1.4.1.1.pdf](#)
2. [K0060_K01_KB04_KC01_20222_UiTM CPP_K1_LAMPIRAN 1.4.1.2.pdf](#)
- 3.

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko sesuatu inisiatif melibatkan ketidakpastian atau kekangan yang berpunca daripada perkara-perkara berkaitan proses kerja, etika kerja dan peristiwa atau bencana. Pengurusan risiko yang efektif oleh pengurusan UiTM CPP beserta unit kualiti dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang terlibat merupakan salah satu tunjang kejayaan dalam pencapaian skop bidang tumpuan utama di UiTM CPP. Pelaporan pengurusan risiko disediakan oleh ahli jawatankuasa pengurusan risiko disertakan dalam **Lampiran 1.4.2.1(a)**. **Ini membolehkan Pengurusan UiTM CPP membuat keputusan yang sewajarnya dalam mengawal risiko terutamanya yang melibatkan BT.**

Unit Pengurusan Risiko UiTM CPP telah menyenaraikan tiga kategori risiko bagi tahun 2021 bagi bidang tumpuan akreditasi iaitu **risiko kegagalan mendapat akreditasi daripada badan profesional, kekurangan sumber manusia dan juga kekangan kewangan**. Tahun 2021, negara sekali lagi dikejutkan dengan gelombang Covid-19 (**Lampiran 1.4.2.1 (b)**). Segala aktiviti fizikal kembali disekat dan beralih semula ke medium atas talian sehingga sekarang. Akreditasi yang sepatutnya dijalankan secara fizikal juga terpaksa beralih kepada secara atas talian sahaja (**Lampiran 1.4.2.1 (c)**). Sekiranya akreditasi ini tidak dijalankan, nasib graduan akan terjejas. Pengurusan UiTM CPP memainkan peranan secara aktif dengan menyediakan platform yang terbaik kepada semua yang terlibat dengan akreditasi dibenarkan ke kampus dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan yang akhirnya akreditasi berjaya disiapkan dengan jayanya (**Lampiran 1.4.2.1 (d)**).

Kekurangan sumber manusia juga salah satu daripada risiko yang dapat dikenalpasti. Seperti yang sedia maklum, bagi mengekalkan status akreditasi bagi setiap pusat pengajian, sejumlah bilangan ahli pakar rujuk akademik harus dipenuhi. **Pengurusan UiTM CPP yang sentiasa peka dengan keadaan tersebut telah memberi peluang kepada staf akademik untuk terus menghadiri kursus serta membiayai yuran profesional bagi mengatasi kekurangan staf profesional (Lampiran 1.4.2.1 (e)).**

Seterusnya, kekangan bajet utk mendukung langkah penjimatan bagi pembangunan staf merupakan antara risiko yang sangat jelas ketara. Fasa pandemik memakan kos yang tinggi yang lebih menfokuskan kepada program kebajikan staf serta pelajar seperti bantuan komputer riba dan sebagainya (**Lampiran 1.4.2.1 (f)**). Kekangan bajet bagi pembangunan staf ini dapat menjejaskan BT kerana syarat-syarat bagi kelayakan atau kriteria akreditasi tidak dapat dilunaskan. Segala platform digital dimaksimakan agar maklumat daripada pihak atasan dapat disalurkan kepada semua staf di UiTM CPP. Pada masa yang sama pengurusan UiTM bertindak sebagai pemudah cara bagi memudahkan staf untuk menyambung pelajaran (**Lampiran 1.4.2.1(g)**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0060_K01_KB04_KC02_20221_UiTM CPP_K1_LAMPIRAN 1.4.2.1.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.

1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pengurusan UiTM CPP sentiasa peka dan komited dalam memastikan halatuju UiTM CPP untuk memperluaskan aktiviti-aktiviti yang melibatkan BT dapat dicapai. Pencapaian sasaran petunjuk prestasi (KPI) dan inisiatif perancangan yang berkesan telah dapat dihasilkan melalui pengurusan kepimpinan yang mapan dalam melaksanakan analisa hasil tindakan penambahbaikan prestasi. Pengurusan UiTM CPP juga amat prihatin terhadap sebarang perubahan yang perlu dilakukan berpandukan kepada Misi, Visi & Objektif, pemantapan tadbir urus dan pelaksanaan budaya kerja efektif selaras dengan Amanat Kementerian Pendidikan Malaysia, Amanat Naib Canselor UiTM dan Amanat Rektor UiTM CPP.

Bagi menambahbaik proses akreditasi yang terjejas semasa gelombang covid-19 tahun lalu, **Pengurusan UiTM CPP memainkan peranan secara aktif dengan menyediakan platform yang terbaik kepada semua yang terlibat dengan akreditasi dibenarkan ke kampus dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan** Bukan itu sahaja, hasil perbincangan dua hala diantara Pengurusan UiTM CPP dengan staf pusat pengajian juga telah membuahkan hasil yang sangat terkehadapan dan **efisien dengan mengadakan lawatan makmal secara maya bersama-sama panel penilai akreditasi yang akhirnya akreditasi berjaya disiapkan dengan jayanya (Lampiran 1.4.3.1 (a)).**

Seterusnya, bagi mengatasi risiko kekurangan kualifikasi professional dalam kalangan staf akademik, **Pengurusan UiTM CPP yang sentiasa peka dengan keadaan tersebut telah memberi ruang serta peluang kepada staf akademik untuk terus menghadiri kursus serta melanjutkan pelajaran bagi mengatasi kekurangan staf professional dalam kalangan staf akademik.** Hal ini demikian kerana, pihak Pengurusan UiTM CPP telah mengorak aktif dengan membiayai pensyarah menghadiri kursus bagi mendapat kelayakan professional yang diperlukan **(Lampiran 1.4.3.1(b)).**

Menjurus kepada itu, Pengurusan UiTM CPP telah berusaha dengan sedaya upaya menangani kekangan bajet bagi pembangunan staf. Dengan itu, **Pengurusan UiTM CPP sentiasa mencari ruang dan peluang seperti menyebarkan luas peluang menyambung pelajaran dengan biasiswa bagi penaja luar.** Tambahan lagi, **segala platform digital dimaksimakan** agar maklumat daripada pihak atasan dapat disalurkan kepada semua staf di UiTM CPP dan pada masa yang sama Pengurusan UiTM CPP bertindak sebagai pemudah cara bagi memudahkan staf dapat menghadiri kursus ataupun menyambung pelajaran **(Lampiran 1.4.3.1(c)).**

Kewibawaan Pengurusan UiTM CPP dalam penetapan penambahbaikan dan kaedah kawalan risiko ini dilihat amat berkesan demi kemaslahatan warga kampus sekaligus mampu merealisasikan misi dan visi UiTM CPP untuk terus menjayakan bidang tumpuan yang dipilih.

SENARAI BUKTI :

1. [K0060_K01_KB04_KC03_20221_UiTM CPP K1_LAMPIRAN 1.4.3.1.pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Hasil daripada analisa perancangan oleh kepimpinan kanan UiTM CPP, terdapat **3 sasaran utama** yang difokuskan dalam bidang tumpuan pengajaran dan pembelajaran bagi spesifikasi akreditasi. Sasaran yang pertama adalah pelanggan spesifik iaitu **penarafan kumpulan badan professional antarabangsa serta nasional**. Kumpulan sasaran penarafan badan professional ini melibatkan penggerak utama daripada InQKA dengan simbiosis utuh daripada fakulti, jabatan serta unit seperti program penarafan akreditasi daripada EAC melalui *Board of Engineering (BEM) Malaysia*, EAC, ETAC, MBOT serta MQA. Pengurusan UiTM CPP sentiasa menyokong agar proses akreditasi pusat pengajian dapat dijalankan dengan teratur dan sistematik. Ini akhirnya membawa kepada **penganugerahan selama 6 tahun akreditasi penuh (Lampiran 1.5.1(a))**. Bukan itu sahaja, penarafan badan professional yang setaraf dengan peringkat antarabangsa ini **menjamin utuh kebolehpasaran graduan setelah bergraduasi daripada UiTM CPP**.

Seterusnya yang kedua ialah sasaran **dalamannya iaitu staf UiTM** yang melibatkan Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) beserta Ketua Pusat Pengajian (KPP) dengan **lahirnya ramai professional dan pakar rujuk utama dalam kalangan pensyarah UiTM CPP**. Hal ini demikian kerana, dasar keterbukaan serta pemudah cara kepimpinan kanan membolehkan pensyarah dapat menambah kepakaran bidang masing-masing yang akhirnya membawa kepada penganugerahan *title* ataupun gelaran seperti Jurutera Profesional (Ir), Teknologis Profesional (Ts) serta *Chartered Engineer* (CEng) yang juga menjadi salah satu **keperluan bagi memenuhi syarat akreditasi daripada badan professional (Lampiran 1.5.1(b))**.

Kumpulan sasaran yang terakhir dan terpenting adalah sasaran luaran iaitu **warga pendidik universiti/ kolej** seluruh negara termasuk kampus-kampus UiTM dan institusi pengajian lain. Kumpulan ini melibatkan pihak pusat pengajian serta sokongan penuh daripada pengurusan UiTM CPP dengan **kejayaan sebagai perintis membangunkan sistem inovasi bersepadu OBE-ANAS** bagi memudahkan serta menjamin ketepatan optima dalam menilai Hasil Kursus (Course Outcomes, CO) dan juga Hasil Program (Program Outcomes, PO). **OBE-ANAS merupakan inovasi yang telah diguna pakai bersama-sama pendidik bukan sahaja di UiTM CPP tetapi juga kampus UiTM Dungun, UiTM Pasir Gudang serta UiTM Sarawak**. Lebih dari itu, **OBE-ANAS juga telah meluaskan sayapnya dengan diperkenalkan ke Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Temerloh**. Selain itu, Pengurusan UiTM CPP menyokong baik inovasi yang telah berjaya dihasilkan ini dengan memberi kebenaran serta kemudahan kepada pensyarah terlibat untuk memberi kursus berkaitan OBE-ANAS kepada semua kampus seluruh pelusuk negara **(Lampiran 1.5.1(c))**.

Lebih dari itu, **sistem rintis UiTM CPP iaitu pemantauan Hasil Program pelajar (SSPOMS) yang telah dijayakan juga ternyata dengan jelas mempengaruhi semakan kurikulum pelajar** dengan mengambilkira maklumbalas langsung daripada pelajar. UiTM CPP merupakan satu-satunya universiti yang menjalankan SSPOMS ini dengan kelulusan Jawatankuasa Sistem Universiti yang berpusat di Shah Alam. Lebih membanggakan lagi, **keberjayaan sistem SSPOMS ini ternyata telah membuka mata dan menarik minat badan akreditasi professional EAC apabila telah menyatakan pelaporan serta maklumbalas positif** melalui laporan kejuruteraan mekanikal **(Lampiran 1.5.1(d))**.

SENARAI BUKTI :

1. [K0060_K01_KB05_20221_UiTM CPP_K1_LAMPIRAN 1.5.1.pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan strategik UiTM Cawangan Pulau Pinang (UITMCPP) dilaksanakan berpandukan kepada **Rancangan Malaysia Ke-12** bagi pelaksanaan pada **tahun 2021** dan **Pelan Strategik UiTM 2025 (2020-2025)** bagi pelaksanaan pada **tahun 2021**. Pelan tindakan perancangan strategik ini juga adalah selaras dengan perancangan universiti pada **Teras Strategik Pertama (Pendidikan Berkualiti)** yang memfokuskan peningkatkan **perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP)** berasaskan teknologi pada tahun 2021.

Selain itu, perancangan strategik UiTM Cawangan Pulau Pinang (UITMCPP) dilaksanakan berpandukan kepada **Objektif Kualiti Staf 1 (OKS1)**, **Objektif Kualiti Kampus 2 (OKK2)** dan **Objektif Kualiti Kampus 3 (OKK3)**. **OKS1** bertujuan meningkatkan bilangan staf akademik dengan kelayakan profesional sebanyak **20 orang** menjelang 2025. **OKK2** mempunyai objektif untuk memastikan **8 program kejuruteraan** dan 12 program bukan kejuruteraan **mendapat pengiktirafan** daripada badan-badan profesional tempatan dan antarabangsa. **OKK3** pula adalah untuk memastikan **30% pensyarah** adalah **berkelayakan PhD** menjelang 2025.

Bagi merealisasikan Pelan Strategik UiTM 2025 dan Rancangan Malaysia ke- 12, bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA), telah diberi tanggungjawab untuk menjadi nadi penggerak UiTM Pulau Pinang dalam menyediakan pengurusan akademik yang cekap dan berkesan agar program akademik dapat berjalan dengan lancar. BHEA juga berperanan dalam mewujudkan suasana yang harmoni, ceria dan mengurus secara profesional dalam melaksanakan program dan perkhidmatan yang berkesan berasaskan teknologi terkini bagi mengekalkan kualiti pembelajaran yang berterusan demi menyokong hasrat UiTM bagi mencapai matlamat pelan strategik universiti.

UITMCPP memberi fokus pada Teras 1 dalam **RMK ke-12** iaitu **pendidikan berkualiti** pada tahun 2021. UiTMCPP merupakan sebuah kampus yang dikenali sebagai kampus kejuruteraan. Pada tahun 2021, UiTMCPP telah **diperakui kualiti program kejuruteraan** yang ditawarkan kerana berjaya mendapat akreditasi penuh (6 tahun) daripada **Engineering Accreditation Council (EAC)** untuk tiga program kejuruteraan iaitu **Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan) dengan Kepujian, Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrikal & Elektronik (Kepujian)** dan **Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia (Persekitaran) dengan Kepujian**. Pengiktirafan ini membuka peluang graduan UiTMCPP untuk meluaskan kebolehpasaran kerjaya di peringkat antarabangsa. EAC merupakan sebuah badan yang diiktiraf di bawah Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) untuk tujuan akreditasi program sarjana muda kejuruteraan.

Perancangan strategik UiTMCPP dipetakan **memenuhi 100% kriteria** yang ditetapkan oleh EAC. Penghasilan sistem pemantauan iaitu **A system for monitoring outcomes performances of students** atau lebih dikenali sebagai **sistem OBE-ANAS, Program Outcome Integrated Monitoring System (POsIMS) dan Smart Student PO Monitoring System (SSPOMs)** adalah contoh terbaik yang terhasil oleh UiTMCPP bagi memastikan pelaksanaan *Outcome Based Education* (OBE) secara sistematik dan teratur. **Projek Khas Rektor berjaya menaikkan** jumlah pensyarah berkelayakan Jurutera Profesional (*Ir*), *Chartered Engineers* dan PhD dimana ia adalah seiring dengan pra-syarat untuk mendapatkan akreditasi penuh EAC dan juga memenuhi **Key Performance Indicator (KPI)** kampus.

Bagi memastikan objektif dan inisiatif strategik dilaksanakan dengan berkesan, **UITMCPP** telah **menggunakan pelan pemantauan melalui 2 kaedah iaitu bengkel pemantauan, dan pengemaskinian emel serta templat Excel**. **Bengkel Pemantauan** Perancangan Strategik UiTMCPP dilaksanakan **4 kali setahun** bertujuan untuk merangka pelan strategik, pelan tindakan dan pelan mitigasi setiap teras dalam inisiatif Pelan Strategik UiTMCPP. **Pemantauan** juga dilaksanakan **sekali sebulan** oleh setiap ahli jawatankuasa Perancangan Strategik fakulti/jabatan/unit melalui makluman **emel dan pengemaskinian templat Excel** kepada Ketua

Perancangan Strategik UITM CPP.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTM CPP bergerak seiring dengan matlamat **Teras 1 Rancangan Malaysia ke-12 dan Teras Strategik Pertama dalam Pelan Strategik UiTM 2025** yang memfokuskan kepada **Pendidikan Berkualiti (Lampiran 2.2.1)**. Tahun 2021 menyaksikan UiTM CPP mendapat pengiktirafan akreditasi penuh bagi tiga program utama kejuruteraan (**Lampiran 2.2.2(a) - Lampiran 2.2.2(b)**) selaras dengan matlamat OKK2 untuk memastikan program kejuruteraan mendapat pengiktirafan dari badan-badan profesional (**Lampiran 2.2.3 (a)**). Kesenambungan itu, warga pendidik UiTM CPP juga digesa untuk meningkatkan keserjanaan dalam bidang PhD seiring dengan matlamat OKK3.

Bagi merealisasikan **Rancangan Malaysia ke-12 dan Pelan Strategik UiTM 2025 yang berteraskan kepada Pendidikan yang berkualiti**, Unit Strategik Transformasi Universiti berperanan memantau pencapaian Indeks Prestasi (PI) kampus UiTM CPP secara sistematik (**Lampiran 2.2.4 (a)**). **Indeks Prestasi PI096** berjaya dicapai dengan peningkatan jumlah pensyarah dengan kelayakan profesional selaras dengan matlamat yang termaktub dalam OKS1 (**Lampiran 2.2.3 (b)**).

Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) menjadi nadi penggerak kepada **pelaksanaan PdP** berteraskan kecemerlangan yang berdaya saing dan beretika. BHEA mengambil pendekatan sinergistik dengan menggerakkan unit UHEK yang seterusnya bergabung tenaga dengan Unit Akreditasi dan Pengiktirafan; Unit Pembangunan Penilaian dan Pentaksiran; Unit Kurikulum Akademik; dan Unit Pengurusan Penilaian Akademik khususnya untuk memantau dan menguruskan hal ehwal akreditasi (**Lampiran 2.2.4 (b)**). Penubuhan **Jawatankuasa Akreditasi (Lampiran 2.2.4 (c))** dibawah UHEK melalui **Projek Khas Rektor** berperanan memastikan Indeks Prestasi PI096 tercapai. Manakala Unit Pembangunan Penilaian dan Pentaksiran, Audit dan Pematuhan menguruskan hal ehwal pelaksanaan *Outcome Based Education* (OBE) secara sistematik dengan perwujudan **sistem OBE-ANAS**. Bagi mengukuhkan lagi pelaksanaan OBE, Projek Khas **Smart Student Program Outcome Monitoring System (SSPOMS)** diperkenalkan.

SSPOMS dilaksanakan untuk memantau dan melakukan *Continuous Quality Improvement* (CQI) bagi 12 atribut kritikal berdasarkan piawaian EAC/ETAC *Program Outcome* (PO) yang perlu dicapai oleh pelajar kejuruteraan selepas tamat pengajian. Sistem ini mendapat pujian daripada pihak EAC/ETAC kerana **UiTM CPP** merupakan **satu-satunya universiti** yang memberi **peluang intervensi kepada pelajar** dalam menambahbaik pencapaian PO demi memenuhi keperluan pembelajaran mereka secara optimum. UiTM CPP menyedari aspirasi dan menghargai maklum balas pelajar dalam menambah baik *Quality Management System* (QMS) UiTM CPP secara tuntas dan menyeluruh. SSPOMS dikawal selia oleh BHEA UiTM CPP (https://BBHEAuitmcpp.uitm.edu.my/about_us.php) (**Lampiran 2.2.5 (a)**). SSPOMS menyokong **komunikasi dua hala** di antara pelajar dan penasihat akademik di dalam memantau pencapaian PO (**Lampiran 2.2.5 (b)**).

SENARAI BUKTI:

1. [K0060_P01_PB02_20221_UiTM CPP_K2_Lampiran 2.2.1.pdf](#)
2. [K0060_P01_PB02_20222_UiTM CPP_K2_Lampiran 2.2.2.pdf](#)
3. [K0060_P01_PB02_20223_UiTM CPP_K2_Lampiran 2.2.3.pdf](#)
4. [K0060_P01_PB02_20224_UiTM CPP_K2_Lampiran 2.2.4.pdf](#)
5. [K0060_P01_PB02_20225_UiTM CPP_K2_Lampiran 2.2.5.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Objektif **Teras Strategik Pertama** bagi **Pelan Strategik UiTM 2025** dilihat sejajar dengan **Teras 1 RMK ke-12** yang menekankan kepada **Pendidikan Berkualiti**. Dalam merealisasikan objektif ini, UiTM CPP telah mengambil beberapa inisiatif berfokus kepada bidang PdP sebagai usaha mendapatkan pengiktirafan akreditasi penuh program kejuruteraan. Maka terlahirlah pembangunan sistem **OBE-ANAS**, **sistem POsIMS**, **sistem SSPOMS** dan juga pelaksanaan **Projek Khas Rektor**.

Sistem OBE ANAS dibangunkan menggunakan bahasa pengaturcaraan *Microsoft Visual C#* dan *Microsoft SQL Server* oleh Pusat Pengajian Kejuruteraan bermula Januari 2013 dengan objektif untuk menjadikan proses menganalisis pencapaian data PO pelajar secara lebih sistematik (**Lampiran 2.3.1(a)**). Penganalisan data tersebut digunakan oleh Pusat Pengajian Kejuruteraan untuk **memantau prestasi program yang ditawarkan secara berkala** (**Lampiran 2.3.1(b)**). Pemantauan setiap PO program secara berterusan dapat dilakukan agar prestasi setiap kohort memenuhi KPI yang ditetapkan oleh Pusat Pengajian Kejuruteraan (**Lampiran 2.3.1(c)**). Bengkel pemantapan penggunaan Sistem OBE-ANAS diperluaskan kepada pensyarah Pusat Pengajian Kejuruteraan secara berkala setiap semester untuk memastikan sistem ini digunakan secara optimum (**Lampiran 2.3.1(d)**) dan manual penggunaan boleh dicapai di laman sesawang [https://sites.google.com/view/mohaiyedin/obe-ans](https://sites.google.com/view/mohaiyedin/obe-anas) (**Lampiran 2.3.1(e)**). Di samping itu, Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam telah memperkenalkan satu lagi sistem pengukuran dan pemantauan PO yang mirip kepada sistem OBE-ANAS iaitu **sistem POsIMS**. Sistem POsIMS digunakan oleh Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam (PPKA) secara khusus (**Lampiran 2.3.2(a)**). Kesenambungan daripada sistem OBE-ANAS dan POsIMS, BHEA UiTM CPP telah melancarkan **Projek Khas** dengan membangunkan **sistem SSPOMS** (**Lampiran 2.3.2(b)**). Sistem ini bertujuan untuk **memantau dan menyediakan CQI pencapaian POs** setiap pelajar kejuruteraan merangkumi 12 POs yang ditetapkan oleh EAC.

Setiap program kejuruteraan yang melalui proses akreditasi perlu memenuhi syarat minimum yang ditetapkan oleh EAC/ETAC. Setiap program kejuruteraan hendaklah mempunyai **sekurang-kurangnya 30% daripada staf akademik berkeelayakan Jurutera Profesional (Ir)** setelah berlakunya **pindaan bermula 1 Januari 2021**. Rentetan daripada pindaan ini, BHEA UiTM CPP telah melancarkan **Projek Khas Rektor**. Melalui projek ini, Unit Akreditasi dan Pengiktirafan telah mengambil inisiatif dalam melaksanakan bengkel **Route to Chartered Engineer** dan bengkel **Completing the Chartered Engineer Application Form and Preparing for the Interview** dengan kerjasama industri **IET Malaysia Local Network** (**Lampiran 2.3.3**). Selain itu, bagi memantapkan kersajanaan akademik secara mampan, **Projek Khas Rektor** juga menggesa staf akademik melanjutkan pelajaran di peringkat PhD.

SENARAI BUKTI :

1. [K0060_P01_PB03_20221_UiTM CPP_K2_Lampiran 2.3.1.pdf](#)
2. [K0060_P01_PB03_20222_UiTM CPP_K2_Lampiran 2.3.2.pdf](#)
3. [K0060_P01_PB03_20223_UiTM CPP_K2_Lampiran 2.3.3.pdf](#)
- 4.
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pelan pemantauan sistem OBE-ANAS, SSPOMS dan Projek Khas Rektor dilakukan secara berkala bagi memastikan objektif dan inisiatif strategik yang dilaksanakan berkesan. Pemantauan sistem OBE-ANAS dilakukan oleh unit OBE Pusat Pengajian Kejuruteraan pada pembentangan laporan CQI di setiap hujung semester. Unit OBE perlu memastikan *Course Outcome-Programme Outcome* (COPO) yang dipetakan di dalam sistem OBE-ANAS menepati *curriculum design* program kejuruteraan tersebut. Manakala, sistem SSPOMS di kawal selia oleh OBE Manager SSPOMS (Lampiran 2.4.1.1(a)). OBE Manager melakukan pemantauan maklum balas pelajar dan juga penasihat akademik terhadap pencapaian PO yang telah dicapai oleh pelajar tersebut pada setiap hujung semester (Lampiran 2.4.1.1(b)). Projek Khas Rektor yang diterajui oleh Unit Akreditasi dan Pengiktirafan memantau status semasa pensyarah-pensyarah yang memohon kelayakan Jurutera Profesional (*Ir*) secara tiga kali setahun (Lampiran 2.4.1.2). Analisis laporan tahunan daripada Ketua Unit Akreditasi dan Pengiktirafan dibentangkan kepada UHEK UiTM CPP sebelum di bawa untuk pembentangan akhir di mesyuarat Jawatankuasa Akademik UiTM Negeri (JAN).

Unit Strategik Transformasi Universiti UiTM CPP pula berperanan memantau Indeks Prestasi PI096 melalui proses pemantauan Pelan Strategik UiTM CPP. Dua kaedah yang dilaksanakan iaitu (i) kaedah pemantauan sukuan (tahun) yang dijalankan melalui Bengkel Pemantauan Perancangan Strategik UiTM CPP dan (ii) kaedah pemantauan bulanan yang dilaksanakan melalui makluman emel dan pengemaskinian Templat Excel (Lampiran 2.4.1.3(a)) oleh ahli jawatankuasa (AJK) Perancangan Strategik fakulti/jabatan/unit kepada Ketua Perancangan Strategik UiTM CPP (Lampiran 2.4.1.3(b)).

Bengkel Pemantauan Perancangan Strategik UiTM CPP dilaksanakan 4 kali setahun yang dipengerusikan oleh Ketua Perancangan Strategik UiTM CPP. Selain itu, barisan pengurusan tertinggi UiTM CPP dan ahli jawatankuasa Perancangan Strategik setiap fakulti/jabatan/unit turut mengambil bahagian dalam bengkel ini. Bengkel ini bertujuan untuk merangka pelan strategik, pelan tindakan dan pelan mitigasi setiap teras dalam inisiatif Pelan Strategik UiTM CPP. Pemantauan Perancangan Strategik UiTM CPP juga dilaksanakan sekali sebulan oleh setiap ahli jawatankuasa (AJK) Perancangan Strategik fakulti/jabatan/unit melalui makluman emel dan pengemaskinian Templat Excel yang disediakan oleh Ketua Perancangan Strategik UiTM CPP.

Sebagai menyokong aspirasi UiTM CPP untuk menambah bilangan kesarjanaan warga akademik, Unit Pascasiswazah UiTM CPP dan Bahagian Pentadbiran sentiasa melakukan pemantauan secara berkala ke atas staf akademik yang sedang melanjutkan pengajian PhD. Pemantauan ini dilakukan bagi memastikan staf yang sedang menyambung pelajaran dapat menamatkan pengajian dalam tempoh masa yang ditetapkan (GOT) (Lampiran 2.4.1.4).

SENARAI BUKTI:

1. [K0060_P01_PB04_PC01_20221_UiTM CPP_K2_Lampiran 2.4.1.1.pdf](#)
2. [K0060_P01_PB04_PC01_20222_UiTM CPP_K2_Lampiran 2.4.1.2.pdf](#)
3. [K0060_P01_PB04_PC01_20223_UiTM CPP_K2_Lampiran 2.4.1.3.pdf](#)
4. [K0060_P01_PB04_PC01_20224_UiTM CPP_K2_Lampiran 2.4.1.4.pdf](#)
- 5.

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pandemik Covid-19 telah mengubah landskap dunia pendidikan secara total. Susulan daripada itu, pemantauan terhadap pencapaian objektif dan inisiatif yang dirancang dalam perancangan strategik perlu diberi perhatian secara khusus. Bagi inisiatif strategik yang melibatkan **sistem OBE-ANAS**, **risiko utama** yang dikenal pasti adalah kemungkinan berlaku **kesilapan pemetaan COPO sewaktu proses pengisian markah pelajar**. Kesilapan ini dikaitkan dengan **faktor kecuaiian manusia** dalam proses pemetaan COPO semasa mengisi template Excel yang dimuat naik ke dalam sistem OBE-ANAS. Akibatnya, **analisis keseluruhan pencapaian PO** bagi program kejuruteraan yang dilaporkan oleh Ketua Unit OBE **menjadi kurang tepat**. Pada masa yang sama, **ketepatan laporan data pencapaian PO di dalam sistem SSPOMS akan turut terjejas** kerana data yang dianalisis dijana secara terus dari sistem OBE-ANAS.

Komunikasi dua hala antara penasihat akademik dan pelajar adalah **tunjang utama keberkesanan sistem SSPOMS** yang dicapai melalui proses penilaian sendiri yang dilakukan oleh pelajar semasa menggunakan sistem. Manakala, penasihat akademik berperanan memberi maklumbalas dan cadangan penambahbaikan berdasarkan penilaian sendiri yang diisi oleh pelajar. Sekiranya **salah satu pihak tidak berkerjasama** dalam mengisi maklumbalas yang diperlukan oleh **sistem SSPOMS**, maka inisiatif yang dibangunkan ini **menjadi kurang efektif**. Oleh itu, **pelajar berisiko untuk bergraduat tanpa memenuhi KPI pencapaian PO** yang ditetapkan oleh fakulti.

Syarat asas akreditasi EAC sangat berkait rapat dengan perancangan strategik Indeks Prestasi PI096. Pada tahun 2021, **EAC telah mengetatkan syarat akreditasi dengan menaikkan keperluan bilangan Jurutera Profesional (Ir) kepada minima 30% (Lampiran 2.4.2.1)** dengan nisbah pensyarah kepada pelajar adalah 1:20. **Risiko utama** dalam mencapai **Indeks Prestasi PI096 dan keperluan EAC** yang baru adalah berkaitan dengan **komitmen oleh pensyarah** yang terlibat. Justeru itu, adalah menjadi tanggungjawab pensyarah untuk memenuhi **beban Amanah Tugas Pensyarah (ATP)** dan pada masa yang sama, perlu memberi komitmen yang melibatkan beberapa peringkat proses untuk mendapat kelayakan Jurutera Profesional (Ir). Diantara peringkat yang perlu ditempuhi semasa proses permohonan adalah melibatkan **latihan industri, laporan teknikal, temuduga dan peperiksaan Jurutera Profesional (Ir)**.

Risiko lain adalah berkait rapat dengan **kegagalan** warga akademik **menamatkan pengajian PhD dalam tempoh yang ditetapkan**. Ini akan menyebabkan **pertambahan beban pengajaran staf akademik** yang sedia ada dan pusat pengajian akan mengalami **kekurangan pengkhususan kepakaran** yang akan **menjejaskan kualiti pengajaran** secara keseluruhan.

SENARAI BUKTI :

1. [K0060_P01_PB04_PC02_20221_UiTM CPP_K2_Lampiran 2.4.2.1.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

UiTM CPP mengambil **langkah pemurnian** sebagai tindakan penambahbaikan bagi **meminimakan impak risiko** yang telah dikenalpasti. **Sistem OBE-ANAS** telah **diperhalusi** bagi mengelakkan kesilapan pemetaan COPO. Fungsi menu *pop-up* telah ditambah pada sistem **berkapasiti untuk mengesan percanggahan** pemetaan COPO bagi suatu kursus (**Lampiran 2.4.3.1(a)**). Pengguna sistem akan dimaklumkan dan tindakan pembetulan segera perlu diambil dengan memuat naik semula fail yang telah dipinda mengikut pemetaan COPO yang tepat. **Carta alir prosedur memuatnaik fail COPO** ke dalam sistem OBE-ANAS **versi asal dan selepas pemurnian** disediakan sebagai rujukan pengguna sistem (**Lampiran 2.4.3.1(b)**).

Komunikasi dua hala antara penasihat akademik dan pelajar menjadi tunjang utama keberkesanan SSPOMS. SSPOMS menjadi kurang efektif sekiranya salah satu pihak tidak berkerjasama dalam menyalurkan data yang diperlukan. Untuk memastikan analisis data SSPOMS dapat dilakukan dengan lancar, **BHEA UiTM CPP** mengambil **langkah proaktif** dengan **menghantar notifikasi dalam bentuk WhatsApp dan emel** kepada pelajar dan Penasihat Akademik pada setiap semester mengenai **pengaktifan SSPOMS**. Langkah ini dilihat **berkesan dalam menaikkan peratusan suapan data** kepada SSPOMS.

Objektif UiTM CPP untuk meningkatkan staf akademik yang memiliki kelayakan Jurutera Profesional (*Ir*) bagi memenuhi keperluan EA dan Indeks Prestasi PI096 disusuli dengan pengumuman **beberapa insentif** yang boleh dinikmati oleh staf semasa melakukan permohonan untuk memperolehi kelayakan tersebut. Insentif yang diberi menjadi medium persuasif untuk **menaikkan happiness indeks** dikalangan staf akademik. Insentif yang ditawarkan bergantung kepada status permohonan semasa. Antara **insentif yang ditawarkan UiTM CPP** bagi membantu pensyarah menyempurnakan proses permohonan melibatkan: (i) **status 1 - membenarkan pensyarah menghadiri latihan industri secara sepenuh atau separuh masa**, (ii) **status 2 - mendapat konteks syarahan (KS) minima 8 jam untuk memberi ruang kepada pensyarah menghasilkan laporan teknikal** dan (iii) **status 3 – kos perbelanjaan menghadiri temuduga dan yuran peperiksaan ditanggung sepenuhnya oleh UiTM CPP** (**Lampiran 2.4.3.2**).

Proses menamatkan pengajian PhD penuh ranjau, onak dan duri. UiTM CPP mengambil **inisiatif memberi pengurangan jam pengajaran** kepada pensyarah sebagai usaha meringankan beban kerja hakiki (**Lampiran 2.4.3.3**). UiTM CPP turut menzahirkan keprihatinan dengan **memberi motivasi** kepada pejuang PhD melalui pengajuran beberapa program. **Suka Duka Perjalanan PhD** dan **Program Khas Rektor Bersama Pensyarah** adalah antara program yang dilaksanakan bertujuan **memberi perangsang** kepada pensyarah dalam **menyiapkan penulisan tesis dan menamatkan pengajian** dengan jayanya (**Lampiran 2.4.3.4**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0060_P01_PB04_PC03_20221_UiTM CPP_K2_Lampiran 2.4.3.1.pdf](#)
2. [K0060_P01_PB04_PC03_20222_UiTM CPP_K2_Lampiran 2.4.3.2.pdf](#)
3. [K0060_P01_PB04_PC03_20223_UiTM CPP_K2_Lampiran 2.4.3.3.pdf](#)
4. [K0060_P01_PB04_PC03_20224_UiTM CPP_K2_Lampiran 2.4.3.4.pdf](#)
- 5.

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Sistem **OBE-ANAS** merupakan pencapaian terbaik UiTM CPP di atas sumbangan memantapkan pengurusan dan pelaksanaan OBE kampus. Sebagai sebuah sistem yang berjaya dipatenkan (**Lampiran 2.5.1(a)**), OBE-ANAS mendapat pengiktirafan dalam beberapa pertandingan inovasi antarabangsa dan kebangsaan serta digunakan oleh institusi luar dan UiTM cawangan lain. Sistem **OBE-ANAS** mengungguli pertandingan **KIK UiTM CPP 2019** melalui **Anugerah KIK Primer Terbaik Inovasi Pengurusan, Anugerah KIK Primer Terbaik Inovasi Pengurusan (Kategori Penambahbaikan)** dan **Anugerah Kumpulan Penjimatan Kos Terbaik (Lampiran 2.5.1(b))**. Sistem OBE-ANAS terus menempa kejayaan dalam pertandingan inovasi **Virtual International Breakthrough Invention, Innovation & Design Exhibition (VI-BiiDE2022)** dengan **menggodol pingat emas (Lampiran 2.5.2(a))**. BHEA UiTM CPP bebesar hati mengurniakan **Anugerah Pembangun Sistem Terbaik 2021** sempena Anugerah Akademik Universiti (**Lampiran 2.5.2(b)**).

Implementasi sistem **OBE-ANAS** tidak terhad kepada UiTM CPP tetapi penggunaannya diintegrasikan di kampus Sarawak, Dungun dan Pasir Gudang di bawah naungan Program Kejuruteraan Elektrik (**Lampiran 2.5.3**). Lebih membanggakan, sistem **OBE-ANAS** diperluaskan ke institusi luar dan digunakan sebagai **mekanisme utama dalam pengukuran Analisa OBE untuk 12 Program Teknologi Kejuruteraan di Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) Temerloh**. **Khidmat pakar runding** implementasi sistem OBE-ANAS diberikan kepada IKTBN bermula dari tahun 2017 dan berterusan sehingga kini (**Lampiran 2.5.4(a)**). Selain itu, novelti sistem OBE-ANAS **diterbitkan** sebagai jurnal akademik di **Esteem Academic Journal** yang boleh diakses oleh semua pembaca (**Lampiran 2.5.4(b)**).

Keserjanaan warga akademik UiTM CPP yang berkelayakan Jurutera Profesional (Ir) membuka luas peluang untuk mereka menjadi pakar rujuk organisasi luar. Kepakaran pensyarah terserlah melalui lantikan sebagai **panel penilai EAC** oleh Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) (**Lampiran 2.5.5(a)**). Panel penilai EAC dari UiTM CPP berpeluang menjadi **panel penilai lawatan akreditasi program kejuruteraan Universiti Malaysia Pahang (UMP) (Lampiran 2.5.5(b))**. Pensyarah UiTM CPP turut diberi kepercayaan sebagai **Mentorship** untuk **membimbing jurutera muda dari industri** dalam proses permohonan kelayakan Jurutera Profesional (Ir) (**Lampiran 2.5.5(c)**). Di samping itu, kepakaran pensyarah UiTM CPP diiktiraf melalui pelantikan sebagai **panel penemuduga** kepada calon yang memohon kelayakan Jurutera Profesional (Ir) (**Lampiran 2.5.5(d)**).

Pada dasarnya, formulasi pelaksanaan strategik adalah untuk mendapatkan akreditasi penuh daripada EAC, mencapai matlamat OKK, OKS dan Indeks Prestasi, PI UiTM CPP. Pencapaian objektif ini memberi manfaat terus kepada UiTM CPP dan secara tidak langsung ia juga turut menyumbang kepada kejayaan kolaborasi dengan organisasi luar.

SENARAI BUKTI :

1. [K0060_P01_PB05_20221_UiTM CPP_K2_Lampiran 2.5.1.pdf](#)
2. [K0060_P01_PB05_20222_UiTM CPP_K2_Lampiran 2.5.2 .pdf](#)
3. [K0060_P01_PB05_20223_UiTM CPP_K2_Lampiran 2.5.3.pdf](#)
4. [K0060_P01_PB05_20224_UiTM CPP_K2_Lampiran 2.5.4.pdf](#)
5. [K0060_P01_PB05_20225_UiTM CPP_K2_Lampiran 2.5.5.pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTM CPP sangat komited dalam meningkatkan jalinan hubungan kerjasama dengan setiap pelanggan. Pendekatan yang menyeluruh telah dilaksanakan oleh **Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA)** berdasarkan piagam pelanggan BHEA untuk memastikan setiap pelanggan memperoleh impak yang maksimum.

Bertepatan dengan piagam pelanggan, Unit Pengurusan Kualiti & Akreditasi UiTM CPP bertanggungjawab memastikan objektif kualiti UiTM CPP secara amnya dibentuk dan dicapai mengikut **Objektif Kualiti UiTM** termasuk dalam bidang pengajaran dan pembelajaran. **Objektif Kualiti Kampus (OKK), Objektif Kualiti Staf (OKS) dan Objektif Kualiti Pelajar (OKP)** telah disusun sebagai langkah-langkah untuk mencapai matlamat Unit Pengurusan Kualiti & Akreditasi UiTM CPP.

Disamping itu, kualiti perkhidmatan pelanggan ini telah diterapkan bagi memantapkan lagi tumpuan UiTM CPP kepada pelanggan. Segala perancangan UiTM CPP terhadap tumpuan pelanggan telah menggunakan pendekatan **Model PDCA : Plan, Do, Check, Act** (perancangan, pelaksanaan, penilaian dan penambahbaikan).

UiTM CPP juga telah menerapkan pengurusan perhubungan pelanggan yang cekap dan berkesan dalam memastikan penyampaian perkhidmatan yang responsif bertepatan dengan kehendak dan keperluan pelanggan. Piawaian perkhidmatan yang ditawarkan oleh UiTM CPP memberikan perkhidmatan yang terbaik dan mesra kepada pelanggan yang berurusan. Oleh itu, fokus telah diberikan kepada lima teras iaitu:

- i. Perancangan pengurusan pelanggan – Merujuk **Objektif Kualiti UiTM** dalam bidang pengajaran dan pembelajaran, termasuk **Objektif Kualiti Pelajar (OKP), Objektif Kualiti Staf (OKS) dan Objektif Kualiti Kampus (OKK)**.
- ii. Penawaran perkhidmatan – Perkhidmatan oleh **Unit Hal Ehwal Akademik dan Unit Pengurusan Kualiti & Akreditasi** UiTM CPP dalam bidang tumpuan.
- iii. Interaksi pelanggan – Melalui **sistem e-aduan dan maklum balas pelanggan**
- iv. Pengurusan prestasi – Melalui **pemantauan, penilaian prestasi dan pelaporan** oleh panel penilai akreditasi.
- v. Budaya berteraskan perkhidmatan pelanggan – **Pembudayaan latihan dan perkongsian pengetahuan dan maklumat**.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Terdapat tiga (3) kategori kumpulan sasaran pelanggan bagi bidang tumpuan PdP UiTM CPP yang memfokuskan kepada akreditasi iaitu **pelanggan dalaman, pelanggan luaran dan pelanggan spesifik**. **Lampiran 3.2.1(a)** menunjukkan kategori pelanggan bidang tumpuan.

Dalam bidang PdP, pelanggan dalaman UiTM CPP terdiri daripada warga UiTM CPP iaitu **pelajar, staf akademik (pensyarah), dan staf bukan akademik (penolong jurutera, penolong pegawai sains, staf pentadbiran dan pembantu makmal)**. Pelajar UiTM CPP merupakan pelanggan utama yang terlibat secara langsung di dalam proses penambahbaikan organisasi UiTM CPP. Kepuasan pelajar sebagai pelanggan dalaman utama diambil perhatian serius. **Lampiran 3.2.1(b)** membuktikan bahawa para pelajar sangat berpuas hati dengan pengurusan UiTM CPP. Perkembangan kualiti akademik pelajar juga diberi perhatian untuk **mencapai OKP 1 iaitu mencapai 90% pelajar sepenuh masa program diploma dan sarjana muda tamat dalam tempoh pengajian yang ditetapkan (Lampiran 3.2.1(c))**

Selain itu, maklumat mengenai staf akademik dan bukan akademik UiTM CPP boleh diakses melalui direktori staf dalam laman web pusat pengajian masing-masing. Kepakaran staf akademik UiTM CPP sentiasa diutamakan bagi menjamin kualiti pengajaran dan pembelajaran yang cemerlang. **Lampiran 3.2.1(d)** menunjukkan **gred jawatan staf akademik UiTM CPP pada Tahun 2021**. UiTM CPP telah berusaha menaiktaraf tahap kepakaran staf akademik dengan menggalakkan staf melanjutkan pelajaran di peringkat PhD. Sehingga Tahun 2021, seramai **37 orang staf akademik** sedang melanjutkan pengajian di peringkat PhD. Ini adalah antara perkembangan terbaik dalam menyediakan staf akademik ke arah kepakaran dalam sesuatu bidang ilmu seterusnya menjadi tunggak dalam membuka mata masyarakat tentang kualiti staf akademik UiTM CPP.

Dari segi pelanggan luaran pula, ianya terdiri daripada alumni, pihak industri dan majikan. Persatuan Alumni UiTM CPP (**Lampiran 3.2.1(e) dan Lampiran 3.2.1(f)**) telah ditubuhkan pada 2018 yang mana keahlian terdiri daripada bekas-bekas pelajar UiTM CPP. Persatuan ini bertujuan untuk menyatupadukan bekas pelajar UiTM CPP serta meningkatkan jaringan industri dengan alumni.

Ibu bapa, masyarakat dan pihak industri juga terlibat dalam aktiviti bidang tumpuan ini. Terdapat juga jalinan kerjasama UiTM CPP bersama industri dan masyarakat luar yang terbentuk hasil daripada penglibatan para alumni UiTM CPP. Contohnya, pandangan dan cadangan daripada pihak majikan dan alumni diperlukan dalam meningkatkan mutu program yang ditawarkan oleh UiTM CPP. Contohnya, kitaran **penglibatan pelanggan luaran dalam pembentukan Programme educational outcome – PEO** boleh didapati dalam *Self-Assessment Report (SAR)* bagi Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia dalam **Lampiran 3.2.1(g)**.

Manakala, pelanggan spesifik lebih tertumpu kepada pelanggan yang mempunyai fungsi yang khusus dalam mencapai akreditasi sesuatu program iaitu Pemeriksa Luar, Badan Profesional, dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) khususnya Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Bagi memastikan kurikulum adalah terkini dan relevan, UiTM CPP telah melantik Pemeriksa Luar (*EE*) dan Panel Penasihat Industri (*IAP*) yang masing-masing terdiri daripada profesor dan pakar teknikal dari universiti dan industri. Komen dan cadangan daripada *EE* dan *IAP* dibincangkan dan dipertimbangkan untuk penambahbaikan.

Disamping itu, KPT berperanan penting dalam mewujudkan ekosistem pengajian tinggi yang terbaik di universiti awam (UA) termasuk UiTM selaras dengan misi KPT iaitu melestarikan ekosistem pendidikan tinggi yang berkualiti untuk membangunkan potensi individu iaitu graduan bagi memenuhi aspirasi negara.

SENARAI BUKTI:

1. [K0060_T01_TB02_20221_UiTM CPP_K3_Lampiran 3.2.1.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

UiTM CPP mengurus pelanggan dengan mengumpul dan menyimpan maklumat pendaftaran semua pelanggan dengan tersusun.

Bagi **pelanggan dalaman**, kesemua data dikumpul oleh pusat pengajian dan pendaftar UiTM. Maklumat pelajar disimpan di dalam **sistem akademik HEA (*Student Information Management System, SIMS*) UiTM dan Unit Hal Ehwal Pelajar (Lampiran 3.3.1(a))**. Penyampaian kandungan pembelajaran dalam talian pula disimpan di dalam **U-FUTURE (Lampiran 3.3.1 (b))** dan bagi menambah baik mutu pengajaran dan pembelajaran, segala penilaian pelajar disimpan di dalam penilaian **SUFO**.

Manakala, bagi staf UiTM CPP, maklumat peribadi disimpan **di Bahagian Pentadbiran UiTM CPP dan sistem Portal i-staf (Lampiran 3.3.1 (c))**. Laman web **AIMS** pula menyimpan semua maklumat kursus dan program yang diluluskan oleh universiti **(Lampiran 3.3.1 (d))**.

Bagi pelanggan luaran pula, data alumni UiTM CPP dikumpul menerusi platform **MyAlumni UiTM (Lampiran 3.3.1 (e)) dan aktiviti perjumpaan semula (Lampiran 3.3.1 (f))**. Maklumat alumni disimpan oleh **Pejabat Jaringan Industri, Masyarakat & Antarabangsa, PJIM & A serta Persatuan alumni UiTM CPP**. Bagi proses hasil penilaian *Programme Educational Outcome (PEO)*, data alumni dan para majikan dikumpul melalui **maklum balas alumni dan majikan** menggunakan medium Google Form. Maklumat ini **disimpan dan dilaporkan dalam Self Assessment Report, (SAR) pusat pengajian masing-masing**.

Manakala, bagi pelanggan spesifik pula, maklumat badan profesional, panel industri dan pemeriksa luar dikumpul dan disimpan oleh **pusat pengajian masing-masing**. Salah satu **contoh lantikan pemeriksa luar** adalah seperti dalam **Lampiran 3.3.1 (g)**.

PENGURUSAN MELIBATKAN KUMPULAN SASAR

Penglibatan kumpulan sasaran dalam pelaksanaan bidang tumpuan adalah amat penting di dalam memastikan segala perancangan dan visi serta misi kampus tercapai.

Bagi pelanggan dalaman, usaha memupuk kesedaran tentang objektif program pendidikan (*Programme Educational Objectives, PEO*) dan *Program Outcome (PO)* dikalangan pelajar dan staf akademik, dilakukan dengan **menyebarkan luas maklumat berkenaan PEO dan PO dalam pelbagai bentuk program kesedaran serta penerbitan, termasuk di laman sesawang (Lampiran 3.3.2 (a))**.

Disamping itu, program kejuruteraan di UiTM CPP mempunyai **sekurang-kurangnya 30% staf akademik yang mempunyai taraf Jurutera Profesional (Ir)** selari dengan syarat minimum bilangan jurutera profesional untuk program kejuruteraan yang ditetapkan oleh Lembaga Jurutera Malaysia **(Lampiran 3.3.2 (b))**.

Bagi pelanggan luaran, **alumni UiTM CPP telah terlibat dalam mesyuarat bersama panel penasihat industri (IAP)** untuk memberikan cadangan, komen dan pandangan dalam semakan kurikulum. Antara contoh penglibatan alumni telah dilaporkan dalam laporan SAR **(Lampiran 3.3.2. (c))**.

Bagi pelanggan dari industri, terdapat **perjumpaan khas panel penasihat industri (IAP) dilaksanakan setiap 6 bulan** bagi Pusat Pengajian Kejuruteraan. Perjumpaan ini memberi peluang kepada pihak industri untuk memberikan pandangan dan cadangan bagi meningkatkan mutu pembelajaran, penyelidikan dan pengurusan. Pemeriksa luar juga tidak terkecuali untuk memberikan input yang sama. Segala cadangan dan pandangan dari panel industri diambil kira dalam tindakan pembetulan atau penambahbaikan dilaksanakan secara tuntas.

Selain itu, semua program yang akan diakreditasi perlu melalui proses penilaian **oleh panel penasihat industri (IAP) dan pemeriksa luar (EE)**. Ini bertujuan untuk mendapatkan maklumbalas dan cadangan bagi penambahbaikan kurikulum, fasiliti pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan bagi menghasilkan graduan yang memenuhi kriteria dan kehendak pasaran. **(Lampiran 3.3.2 (d))**.

SENARAI BUKTI :

1. [K0060_T01_TB03_20221_UiTM CPP_K3_Lampiran 3.3.1.pdf](#)
2. [K0060_T01_TB03_20222_UiTM CPP_K3_Lampiran 3.3.2.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) memberi kesan kepada aktiviti pengajaran dan pembelajaran di UiTM CPP terhadap pelanggan dalaman, luaran dan spesifik. Walaubagaimana pun kesemua aktiviti yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran masih dapat diteruskan dengan melaksanakannya secara online (alam maya) . **Lampiran 3.4.1.1** menunjukkan **Jadual kebaikan dan ganjaran yang didapati oleh setiap pelanggan berdasarkan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan.**

Antara aktiviti yang telah dilaksanakan terhadap pelanggan dalaman iaitu pelajar adalah seperti penglibatan pelbagai persatuan pelajar yang telah berdaftar dibawah HEP, penyertaan pertandingan inovasi, perbentangan projek dibawah peruntukkan Tabung Amanah Pembangunan Akademik (TAPA) dan penilaian pensyarah, kandungan kursus dan kemudahan aktiviti pengajaran dan pembelajaran melalui sistem HEA, Student Feedback Online (SuFO) (**Lampiran 3.4.1.2**)

Pensyarah juga merupakan pelanggan dalaman yang memainkan peranan penting dalam **aktiviti pengajaran dan pembelajaran**. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan adalah Bengkel pengajaran secara online, Outcome Based Education (OBE), PROPENS dan jemputan pensyarah mengajar di **universiti luar negara seperti Universitas Negeri Semarang (UNNES), Indonesia** dan sebagainya (**Lampiran 3.4.1.3**)

Ibubapa, alumni dan industri adalah pelanggan luaran yang membantu melancarkan lagi aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Pihak industri juga dilantik sebagai panel penilai projek pelajar dan memberi pendedahan industri kepada para pelajar (**Lampiran 3.4.1.4**)

Pelanggan spesifik seperti Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), badan profesional dan pemeriksa luar dapat memastikan program yang ditawarkan oleh UiTM CPP sentiasa relevan dengan kehendak semasa serta mendapat pengiktirafan daripada badan-badan profesional disamping meningkatkan kebolehpasaran pelajar di persada antarabangsa.

SENARAI BUKTI:

1. [K0060_T01_TB04_TC01_20221_UiTM CPP_K3_Lampiran 3.4.1.1.pdf](#)
2. [K0060_T01_TB04_TC01_20222_UiTM CPP_K3_Lampiran 3.4.1.2.pdf](#)
3. [K0060_T01_TB04_TC01_20223_UiTM CPP_K3_Lampiran 3.4.1.3.pdf](#)
4. [K0060_T01_TB04_TC01_20224_UiTM CPP_K3_Lampiran 3.4.1.4.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Unit pengurusan risiko ditubuhkan untuk mengenalpasti semua kategori risiko termasuk kategori operasi dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Pihak pengurusan tertinggi telah merangka pelbagai pendekatan untuk mengatasi risiko yang dijangka akan berlaku semasa aktiviti dilaksanakan. **Lampiran 3.4.2.1** merupakan ringkasan terhadap risiko yang boleh menjejaskan pelaksanaan PdP atau menjejaskan kejayaan pencapaian maklum balas pelanggan dan cara mengatasi risiko-risiko tersebut terhadap pelanggan dalaman, luaran dan spesifik.

SENARAI BUKTI :

1. [K0060_T01_TB04_TC02_20221_UiTM CPP_K3_Lampiran 3.4.2.1.pdf](#)
2. [K0060_T01_TB04_TC02_20222_UiTM CPP_K3_Lampiran 3.4.2.2.pdf](#)
3. [K0060_T01_TB04_TC02_20223_UiTM CPP_K3_Lampiran 3.4.2.3.pdf](#)
4. [K0060_T01_TB04_TC02_20224_UiTM CPP_K3_Lampiran 3.4.2.4.pdf](#)

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

UiTM CPP telah menyediakan satu medium dalam talian untuk menerima aduan daripada semua pelanggan. Ia dikenali sebagai **e-Aduan**. Terdapat **3 jenis aduan iaitu aduan berkaitan ICT, korporat dan fasiliti (Lampiran 3.4.3.1 (a))**. Unit Komunikasi Korporat UiTM CPP akan menerima semua aduan yang berkaitan korporat dan akan menyiasat aduan yang diterima terlebih dahulu sebelum mengambil sebarang tindakan. **Semua cadangan dan aduan ini akan diambil tindakan dalam tempoh 1 minggu**. Pelanggan dalaman seperti staf dan pelajar perlu meletakkan nombor staf/pelajar dan nombor kad pengenalan ke dalam sistem e-Aduan ini dahulu sebelum membuat sebarang aduan. Didalam laman web ini juga terdapat Kajian Kepuasan Pelanggan **(Lampiran 3.4.3.1 (b))**. Segala aduan yang berkaitan dengan ICT akan diterima oleh Bahagian Infrastruktur UiTMPP **(Lampiran 3.4.3.1 (c))**. Pengurusan sistem aduan ini dilaksanakan secara teratur seperti dalam **Lampiran 3.4.3.1 (d)**. Terdapat beberapa aduan yang telah diterima dan telah diambil tindakan **(Lampiran 3.4.3.1 (e))**.

Pihak pengurusan kanan PTJ UiTM CPP sentiasa memastikan segala proses penambahbaikan dilaksanakan melalui tindakan-tindakan yang wajar tanpa menjejaskan hala tuju yang disasarkan. Segala tindakan yang di ambil bagi setiap aduan yang diterima di lakukan dengan mengadakan beberapa perbincangan melalui beberapa siri mesyuarat khas seperti mesyuarat Kajisemula Pengurusan (MKSP). Wakil daripada unit kualiti akan membentangkan segala penemuan atau hasil di dalam MKSP yang dihadiri oleh semua pengurusan kanan. Perbincangan akan dibuat berdasarkan isu-isu yang telah di kenalpasti dan menyasarkan beberapa tindakan penambahbaikan **(Lampiran 3.4.3.2 (a))**

Bermula sesi akademik 1 2020/2021, PdP telah dijalankan di kampus Permatang Pauh dan Bertam dengan melalui beberapa fasa kemasukkan dan telah mendapat kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Operasi Bencana Negeri (JOBN). Tujuannya adalah untuk menangani masalah pembelajaran secara ODL yang telah dialami oleh sebahagian pelajar dan staf akademik. Pada tahun 2021, pelaksanaan PdP masih tetap berjalan secara atas talian kecuali kursus yang memerlukan makmal, ianya dijalankan secara bersemuka. Pelajar yang dibenarkan berada dikampus adalah tertakluk kepada Pekeliling Naib Canselor (HEP) bilangan 5, tahun 2021 dan perlu mematuhi SOP yang telah ditetapkan **(Lampiran 3.4.3.2 (b) dan Lampiran 3.4.3.2 (c))**.

SENARAI BUKTI :

1. [K0060_T01_TB04_TC03_20221_UiTM CPP_K3_Lampiran 3.4.3.1.pdf](#)
2. [K0060_T01_TB04_TC03_20222_UiTM CPP_K3_Lampiran 3.4.3.2.pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Perjalanan aktiviti PdP masih perlu di teruskan melalui penyampaian dan kaedah penilaian yang fleksibel supaya pelajar tidak ketinggalan walaupun masih lagi berada dalam pandemik Covid-19. Terdapat beberapa inovasi dan penambahbaikan sistem telah dihasilkan oleh staf akademik UiTM CPP daripada sesi PdP secara atas talian. **Lampiran 3.5.1** menunjukkan pencapaian inovasi staf akademik, senarai webinar dan juga senarai kursus MOOC yang telah dibangunkan oleh staf akademik di UiTM CPP.

Pada tahun 2021, sistem OBE-ANAS (**Lampiran 3.5.2 (a)**) yang dibangunkan telah diguna pakai serta sebanyak **43 kumpulan inovasi** telah dipertandingkan. Daripada kesemua yang dipertandingkan itu, 20 kumpulan telah memenangi anugerah gangsa, 13 kumpulan memenangi anugerah emas, 6 kumpulan memenangi anugerah perak dan 4 kumpulan memenangi anugerah Khas. **Pelbagai idea kreatif telah dibangunkan, sebahagiannya telah di komesialkan dan digunakan oleh pusat pengajian itu sendiri.** Contohnya projek SMART ELECTRICITY MONITORING SYSTEM, 24-hour Alarm Clock Format using HDL, E-FESV2: A PLATFORM TO OVERCOME THE MISCONCEPTION OF COMMON ERRORS IN MATHEMATICS dan lain-lain (**Lampiran 3.5.2 (b)**). Pelbagai webinar (**Lampiran 3.5.2 (c)**) telah dianjurkan untuk meningkatkan mutu PdP dan pembangunan kursus MOOC (**Lampiran 3.5.2 (d)**) telah melibatkan pelbagai kursus di dalam UiTM CPP. Dengan kesemua usaha ini, pelbagai perkongsian idea, pengetahuan dan kepakaran di antara staf UiTM CPP dengan pihak industri dan masyarakat dapat diintegrasikan bersama.

Pengiktirafan pensyarah dalam bidang profesional seperti gelaran Ir. dan juga pengiktirafan kursus (akreditasi) yang ditawarkan di UiTM CPP juga menjadi impak yang besar terhadap semua pelanggan. Dimana, kebolehpasaran kerja untuk pelajar yang telah bergraduasi adalah tinggi dan memudahkan mereka untuk mendapatkan pekerjaan. Dengan adanya pensyarah yang bergelar Ir pula, UiTM CPP dapat **berkolaborasi bersama-sama industri dengan mengadakan MoU (Lampiran 3.5.3 (a))**, Secara tidak langsung, pengiktirafan ini telah membolehkan beberapa orang pensyarah **di jemput untuk menjadi panel luar (Lampiran 3.5.3 (b))**. Pengiktirafan ini juga membolehkan pensyarah **lebih mudah mendapatkan geran** melalui idea-idea yang bernas dan kreatif yang datang dari para profesional daripada UiTM CPP (**Lampiran 3.5.3 (c)**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0060_T01_TB05_20221_UiTM CPP_K3_Lampiran 3.5.1.pdf](#)
2. [K0060_T01_TB05_20222_UiTM CPP_K3_Lampiran 3.5.2.pdf](#)
3. [K0060_T01_TB05_20223_UiTM CPP_K3_Lampiran 3.5.3.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTM merupakan sebuah **Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA)** yang sentiasa melaksanakan pembangunan yang berterusan bagi meningkatkan kecemerlangan dalam melahirkan modal insan yang berkemahiran dan berilmu pengetahuan tinggi. Sehubungan dengan itu, terdapat pelbagai perancangan yang telah ditetapkan untuk dicapai sama ada di peringkat induk mahupun cawangan. Di UiTM CPP, terdapat tiga (3) objektif kualiti yang perlu dicapai setiap tahun bagi bidang tumpuan yang dipilih iaitu Pembelajaran dan Pengajaran (PdP). Tiga (3) objektif kualiti tersebut ialah **Objektif Kualiti Kampus (OKK), Objektif Kualiti Staf (OKS), dan Objektif Kualiti Pelajar (OKP)**. Salah satu perancangan besar yang dipikul oleh UiTM CPP yang berkait dengan bidang tumpuan ialah memastikan program-program yang ditawarkan **mendapat pengiktirafan akreditasi daripada badan-badan profesional** seperti LJM, MQA dan MBOT. Pengiktirafan ini adalah sangat penting untuk menjamin **pelajar yang telah bergraduat diterima bekerja** di sektor pekerjaan di dalam mahupun luar negara. Sasaran OKK yang perlu direalisasikan ialah memastikan **8 program kejuruteraan dan 12 program bukan kejuruteraan mendapat pengiktirafan daripada badan-badan profesional tempatan dan antarabangsa (OKK 2)** dan memastikan **30% pensyarah adalah berkelayakan PhD menjelang 2025 (OKK 3)**. Manakala, **sasaran OKS 1** ialah **meningkatkan bilangan staf akademik dengan kelayakan profesional sebanyak 20 orang menjelang 2025**. Seterusnya, **OKP 1** pula mensasarkan sebanyak **90% pelajar sepenuh masa program diploma dan sarjana muda tamat pengajian dalam tempoh yang ditetapkan**.

UiTM CPP telah menggembeng tenaga semua pihak untuk bersama-sama merealisasikan objektif OKK, OKS dan OKP. Hasilnya, UiTM CPP telah berjaya membangunkan beberapa sistem yang dinamakan **OBE-ANAS, POSIMS dan SSPOMS**. Ketiga-tiga sistem ini telah terlibat secara langsung dalam memantau dan menganalisis data pencapaian PO bagi setiap pelajar, kohort dan program. **Pembangunan sistem** ini merupakan **kejayaan terbesar UiTM CPP** kerana ianya bukan sahaja **digunakan di UiTM CPP**, malah juga di cawangan UiTM yang lain iaitu **di kampus Pasir Gudang, Dungun dan Samarahan**. Selain itu, sistem ini juga turut **digunapakai di IKTBN Temerloh** sebagai mekanisma utama dalam pengukuran analisa OBE untuk **12 program teknologi kejuruteraan**. Kebolehan dan kepakaran staf adalah juga antara syarat utama untuk mendapatkan pengiktirafan akreditasi penuh daripada LJM. Selain itu, **Projek Khas Rektor** telah berjaya **menaikkan jumlah pensyarah berkelayakan profesional dan PhD**.

Unit Kualiti dan Akreditasi dipertanggungjawabkan untuk memantau dan memastikan setiap pusat pengajian kejuruteraan dan fakulti menjalankan akreditasi. Selain itu, BHEA juga merupakan pihak yang diamanahkan untuk memantau kegiatan PdP. Terdapat beberapa unit di bawah BHEA yang ditugaskan untuk memantau aktiviti akademik iaitu unit Pengurusan Pentadbiran Am, Pengurusan Pembelajaran dan Pengajaran, Pengurusan Rekod Pelajar, Pengurusan Peperiksaan dan Pengurusan Percetakan.

Tambahan pula, **Unit Strategik Transformasi Universiti (USTU)** pula memainkan peranan dalam memantau pencapaian Indeks Prestasi (PI) UiTM CPP yang telah disasarkan oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU) berdasarkan Pelan Strategik UiTM2025. Hasil, pemantauan yang sistematik dan tersusun, **PI096 bagi tahun 2021 telah berjaya dicapai dengan peningkatan jumlah pensyarah yang berkelayakan profesional**.

Pelbagai tindakan penambahbaikan telah dilakukan. Antaranya ialah pihak yang terlibat mengendalikan OBE-ANAS telah mengadakan bengkel di UiTM CPP dan di cawangan-cawangan UiTM yang lain. Selain itu, penambahbaikan berterusan telah dilakukan terhadap sistem tersebut. Kini, OBE-ANAS telah mempunyai versi yang ke-15.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Item pengukuran merupakan salah satu element penting untuk mengukur pencapaian bidang tumpuan pilihan iaitu PdP. UiTM CPP telah menetapkan PI mengikut kekuatan kampus yang telah difokuskan iaitu akreditasi oleh LJM. **Tiga (3) program** dari pusat pengajian kejuruteraan di UiTM CPP dianugerahkan **akreditasi penuh selama enam (6) tahun**. Pengukuran pencapaian yang digunakan untuk mengukur kekuatan tumpuan adalah data dan maklumat yang diperolehi dari pusat pengajian PPKM, PPKE dan PPKK.

Bagi tujuan pencapaian akreditasi, terdapat tujuh (7) kriteria yang perlu dipenuhi merujuk kepada manual EAC2020 seperti yang dipaparkan pada **Lampiran 4.2.1**. Untuk bidang tumpuan PdP, kriteria pengukuran akan difokuskan kepada **hasil PEO, PO dan CO yang mana merupakan kriteria penting yang dinilai dalam akreditasi**.

PO adalah kemahiran yang diperolehi oleh pelajar selepas tamat pengajian. *PO* diukur berdasarkan OBE. Bagi mencapai *PO*, setiap kursus di dalam program tersebut mempunyai hasil *CO* yang menghubungkan *CO* kepada *PO*. Daripada *PO* inilah pencapaian pelajar secara keseluruhannya dapat diukur, dianalisa, dilaporkan serta perbandingan KPI dapat dibuat.

Memandangkan penilaian setiap kursus dalam sesuatu program dan pusat pengajian kejuruteraan berbeza-beza berdasarkan pengukuran hasil *PO* dan pengukuran *CO*, satu **sistem OBE-ANAS** yang memberi manfaat yang berguna kepada UiTM CPP telah **dibangunkan**. Sistem ini digunakan secara sepenuhnya oleh pusat pengajian kejuruteraan di UiTM CPP untuk mengukur tahap pencapaian *PO* dan *CO* sesuatu program tersebut. Penghasilan sistem ini secara tidak langsung dapat memudahkan proses pengukuran *PO* dilaksanakan secara sistematik dan berkesan.

Sistem OBE-ANAS ini adalah merupakan sebuah sistem yang dibangunkan dengan menggunakan pengaturcara **Microsoft Visual C# dan Microsoft SQL Server**. Dua (2) teras aturcara ini digabungkan dan menjadi sebuah sistem dalam talian yang bersepadu.

Bagi mengukuhkan lagi pelaksanaan OBE-ANAS, satu projek khas dilaksanakan untuk memantau dan menyediakan CQI pencapaian *PO* setiap pelajar pusat pengajian kejuruteraan merangkumi 12 *PO* yang ditetapkan oleh EAC. Selepas pengumuman rasmi keputusan pelajar pada akhir setiap semester, data pencapaian *PO* bagi setiap pelajar dimuat naik ke sistem SSPOMS. Sistem SSPOMS diwujudkan bagi memastikan semua pelajar mengetahui pencapaian *PO* masing-masing selepas proses analisis CDL-CQI dilakukan. BHEA UiTM CPP telah membangunkan sistem melalui laman sesawang BHEA, yang membolehkan pelajar melihat dan memberi maklum balas tentang pencapaian *PO*.

SENARAI BUKTI:

1. [K0060_A01_AB02_20221_UITM CPP_K4_LAMPIRAN 4.2.1.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bagi mengukur dan menganalisa pencapaian PO mengikut program serta kohort, satu sistem yang dikenali sebagai **OBE-ANAS**, **PosIM** dan **SSPOMS** telah **dibangunkan oleh UiTM CPP** yang juga memenuhi kriteria penilaian PO untuk proses akreditasi yang diperlukan oleh semua pusat pengajian kejuruteraan. Sistem ini menggunakan pendekatan **Plan-Do-Check-Action (PDCA)** untuk CQI dan pemantauan yang betul terhadap pencapaian PO di peringkat fakulti. UiTM CPP merupakan **kampus pertama yang menghasilkan sistem OBE-ANAS** dimana telah diguna pakai di semua kampus kejuruteraan (**Lampiran 4.3.1 (a)**).

Sistem OBE-ANAS ini dibangunkan sejak tahun 2011 bagi memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh EAC. Sistem OBE-ANAS ini merupakan kriteria penting dalam pengiraan pencapaian CO-PO setiap kursus. **Lampiran 4.3.1 (b)** memaparkan kekerapan data PO-CO dikumpulkan. Setiap markah pelajar daripada semua penilaian akan dimasukkan ke sistem OBE-ANAS yang dipautkan kepada pangkalan data OBE untuk agihan CO-PO yang telah disahkan dalam setiap kursus seperti yang ditunjukkan dalam **Lampiran 4.3.1(c) hingga lampiran 4.3.1 (g)**. Pencapaian CO-PO untuk setiap pelajar akan dikira secara automatik oleh sistem dan ini membantu pensyarah melakukan semakan silang terhadap data LE15.

Data analisis penilaian yang memaparkan pencapaian kesemua dua belas (12) PO adalah amat penting kerana ia merupakan elemen utama yang dinilai dalam proses akreditasi. Ianya bertujuan untuk mengenalpasti kekuatan dan kelemahan pelajar yang akan bergraduat supaya dapat menguasai kesemua dua belas (12) PO dengan cemerlang. Apabila kekuatan dan kelemahan telah dikesan daripada awal, penambahbaikan dapat dilaksanakan untuk meningkatkan pencapaian pelajar dalam setiap PO pelajar pada semester seterusnya.

Kesinambungan daripada sistem OBE-ANAS, **SSPOMS dibangunkan bagi membolehkan pelajar mengambiltahu pencapaian PO masing-masing**. Penggunaan SSPOMS ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Sistem dan Aplikasi Universiti (JKSAU) (**Lampiran 4.3.2 (a)**) dan ianya telah digunakan secara rasmi dalam sistem akademik UiTM CPP. Pengenalan kepada sistem SSPOMS, rangka kerja SSPOMS, pengurusan makluman serta carta alir pengurusan data SSPOMS dipaparkan pada **Lampiran 4.3.2 (b) hingga Lampiran 4.3.2 (f)**

Komunikasi dua hala diantara pelajar dan penasihat akademik di dalam pemantauan *PO* pelajar merupakan kekuatan bagi sistem ini di mana pelajar boleh meningkatkan prestasi PO secara berterusan sebelum bergraduat. Kelebihan sistem ini juga dimana pelajar dan penasihat akademik dapat memberikan cadangan dan penambahbaikan dalam meningkatkan pencapaian PO masing-masing (**Lampiran 4.3.3 (a) hingga Lampiran 4.3.3 (d)**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0060_A01_AB03_20221_UITM CPP_K4_LAMPIRAN 4.3.1_update.pdf](#)
2. [K0060_A01_AB03_20222_UITM CPP_K4_LAMPIRAN 4.3.2.pdf](#)
3. [K0060_A01_AB03_20223_UITM CPP_K4_LAMPIRAN 4.3.3.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Bagi memastikan pencapaian sepenuhnya sasaran berkaitan Bidang Tumpuan (BT) yang ditetapkan di bawah Objektif Kualiti UiTM CPP, pemantauan berterusan dijalankan melalui **Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP)** yang diadakan secara berkala. **Lampiran 4.4.1.1(a)** menunjukkan contoh minit mesyuarat MKSP Bil 1/2021. Selain itu, pemantauan juga dijalankan oleh **Unit Strategik Transformasi Universiti (USTU) UiTM CPP** melalui **pelaporan pencapaian Indeks Prestasi (PI)** yang diterima daripada setiap pusat/unit/bahagian secara bulanan. **Lampiran 4.4.1.1(b)** menunjukkan contoh e-mel USTU kepada semua pusat/unit/bahagian untuk mendapatkan pelaporan Fasa 10. Di samping itu, pemantauan melalui laporan SAR juga dilakukan oleh pusat pengajian kejuruteraan berkaitan bagi tujuan akreditasi program seperti dalam **Lampiran 4.4.1.1(c)**.

Tiga sasaran utama objektif kualiti yang berkaitan BT adalah OKS 1, OKK 2 dan OKK 10 seperti yang ditunjukkan pada **Lampiran 4.4.1.2(a)**.

Bagi OKS 1, iaitu meningkatkan bilangan staf akademik dengan kelayakan profesional sebanyak 20 orang menjelang 2025, data yang disediakan oleh empat pusat pengajian kejuruteraan dan dibentangkan dalam MKSP Bil. 1/2021 menunjukkan pencapaian yang amat memberangsangkan. UiTM CPP telah berjaya menghasilkan 59 orang staf akademik berkelayakan profesional pada tahun 2020, yakni pencapaian sebanyak 300% berbanding sasaran yang ditetapkan iaitu seramai 20 orang (**Lampiran 4.4.1.2(b)**). Pada tahun 2021 pula, laporan pencapaian PI096 oleh USTU menunjukkan bahawa setakat Disember 2021, UiTM CPP telah mempunyai seramai **122 orang staf berkelayakan profesional**, iaitu pencapaian sebanyak 124% berbanding sasaran yang diberikan, iaitu 98 orang (**Lampiran 4.4.1.2(c)**).

Bagi OKK 2, iaitu memastikan 8 program kejuruteraan dan 12 program bukan kejuruteraan mendapat pengiktirafan daripada badan-badan profesional tempatan dan antarabangsa, keempat-empat pusat pengajian kejuruteraan, iaitu PPKA, PPKE, PPKM dan PPKK telah membentangkan tindakan pembetulan masing-masing dalam mesyuarat MKSP Khas Bil. 1/2021 hasil dapatan daripada akreditasi program pengajian masing-masing. **Lampiran 4.4.1.3(a), Lampiran 4.4.1.3(b), Lampiran 4.4.1.3(c) dan Lampiran 4.4.1.3(d)** masing-masing menunjukkan bukti slaid pembentangan oleh PPKA, PPKE, PPKM dan PPKK dalam mesyuarat tersebut.

Bagi OKK 10, iaitu mencapai nisbah pensyarah:pelajar 1:15 untuk program sarjana muda dan 1:20 untuk program diploma, **pemantauan yang dilakukan melalui laporan SAR pusat pengajian masing-masing**. Ianya menunjukkan nisbah pensyarah:pelajar berada pada tahap yang amat baik dan memenuhi keperluan akreditasi. Contoh laporan SAR mengenai nisbah pensyarah kepada pelajar seperti ditunjukkan pada **Lampiran 4.4.1.4(a) dan Lampiran 4.4.1.4(b)**.

SENARAI BUKTI:

1. [K0060_A01_AB04_AC01_20221_UiTM CPP_K4_LAMPIRAN 4.4.1.1.pdf](#)
2. [K0060_A01_AB04_AC01_20222_UiTM CPP_K4_LAMPIRAN 4.4.1.2.pdf](#)
3. [K0060_A01_AB04_AC01_20223_UiTM CPP_K4_LAMPIRAN 4.4.1.3.pdf](#)
4. [K0060_A01_AB04_AC01_20224_UiTM CPP_K4_LAMPIRAN 4.4.1.4.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko berkaitan BT bagi setiap pusat pengajian, fakulti, jabatan, unit dan bahagian dikenalpasti dalam bengkel pengurusan risiko UiTM CPP. Risiko BT yang telah dikenalpasti kemudian dibentangkan dalam bengkel tersebut dan seterusnya dimasukkan dalam Daftar Risiko. **Lampiran 4.4.2.1 (a)** menunjukkan senarai risiko berkaitan BT yang telah didaftarkan dalam Daftar Risiko.

Risiko pertama yang dikenalpasti adalah di bawah unit Misi Akademik berkenaan urusan kemasukan dan enrolmen pelajar yang terlalu sedikit sejak penularan wabak Covid- 19 telah memberi impak kepada kekurangan beban syarahan pensyarah bagi pusat pengajian, fakulti dan jabatan di UiTM CPP. Oleh itu, langkah kawalan yang diambil adalah dengan memperkasakan pasaran program-program yang ditawarkan di UiTM CPP. (**Lampiran 4.4.2.1 (b)**).

Risiko kedua adalah berkaitan akreditasi sesuatu program di bawah BHEA UiTM CPP. Risiko yang dikenalpasti adalah apabila staf kurang berpengalaman dalam proses akreditasi yang mengakibatkan kegagalan memperolehi akreditasi sesuatu program. Kegagalan pengiktirafan program oleh badan profesional mengakibatkan risiko kebolehpasaran graduan apabila tamat pengajian. Justeru, langkah kawalan yang diambil untuk meminimumkan risiko tersebut adalah dengan mengadakan kursus atau bengkel pementapan kepada semua pihak yang terlibat dalam proses akreditasi program. Selain itu, pihak pengurusan juga telah mewujudkan jawatan kuasa Unit Pengurusan Kualiti dan Akreditasi UiTM CPP (**Lampiran 4.4.2.1 (c)**).

Risiko ketiga yang dikenal pasti adalah dari segi pengurusan data dan rekod pelajar oleh BHEA dimana cara penyimpanan fail peribadi pelajar dan lokasi penyimpanan mungkin memberi impak kepada berlakunya kehilangan fail peribadi pelajar. Susulan risiko tersebut, langkah-langkah kawalan yang diambil adalah dengan menempatkan bilik fail pelajar jauh dari laluan semua staf dan pelajar serta pemasangan CCTV bagi menjamin keselamatan bilik tersebut.

Selain bengkel pengurusan risiko, pengenalpastian risiko turut dijalankan melalui Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) Khas Bil. 1/2021 seperti dalam **Lampiran 4.4.2.2 (a)** dan **Lampiran 4.4.2.2 (b)**. Bagi mengawal risiko pencapaian akreditasi bagi program kejuruteraan dimana kriteria EAC telah menetapkan 30% staf akademik sesuatu program kejuruteraan perlulah mempunyai kelayakan sebagai jurutera profesional (*Ir*), langkah kawalan telah diambil melalui penetapan sasaran petunjuk prestasi (PI96) perancangan strategik UiTM CPP seperti dalam **Lampiran 4.4.2.3**.

SENARAI BUKTI :

1. [K0060_A01_AB04_AC02_20221_UITM CPP_K4_LAMPIRAN 4.4.2.1.pdf](#)
2. [K0060_A01_AB04_AC02_20222_UITM CPP_K4_LAMPIRAN 4.4.2.2.pdf](#)
3. [K0060_A01_AB04_AC02_20223_UITM CPP_K4_LAMPIRAN 4.4.2.3.pdf](#)

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Analisis berkaitan BT dibentangkan dalam Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) dan tindakan penambahbaikan disyorkan terus dalam mesyuarat tersebut untuk dilaksanakan.

Lampiran 4.4.3.1 (a) menunjukkan contoh tindakan penambahbaikan yang dicadangkan oleh PTJ berkaitan pencapaian OKS 1 dalam MKSP Bil. 1/2021. PTJ mengesyorkan agar staf yang berkelayakan profesional haruslah berterusan dan program-program profesional harus dilaporkan. Selain itu, PTJ juga mencadangkan dan menggalakkan supaya semua staf akademik bukan hanya tertumpu kepada kejuruteraan sahaja haruslah mempunyai kelayakan profesional bagi ketampakan staf di UITM CPP.

Selain MKSP, analisis data berkaitan BT serta tindakan penambahbaikan turut dibentangkan dan diputuskan dalam mesyuarat Jawatankuasa Akademik Negeri (JAN) (**Lampiran 4.4.3.1(b)**). Petikan Minit Mesyuarat JAN (Khas) Bil. 2/2021 merumuskan analisis data CDL-CQI serta tindakan penambahbaikan berkaitan BT. Merujuk kepada rumusan tersebut, semua pusat pengajian kejuruteraan menjalankan analisis di peringkat kursus dan program menggunakan sistem OBE-ANAS, POSIMS dan UFUTURE pada **Lampiran 4.4.3.1 (b)**. Dapatan daripada analisis tersebut juga menunjukkan bahawa pusat pengajian kejuruteraan telah mengukuhkan pencapaian 12 PO, EAC ataupun ETAC untuk semua kohort pelajar yang bergraduat dan hanya sebilangan kecil sahaja yang perlu diberi perhatian pada **Lampiran 4.4.3.1 (b)**. Hasil analisis tersebut juga mendapati terdapat keperluan untuk mengingatkan pelajar agar membuat *Entrance & Exit Survey* di dalam sistem UFUTURE pada **Lampiran 4.4.3.1 (b)**. Berdasarkan dapatan tersebut, setiap pusat pengajian kejuruteraan disarankan untuk mengadakan mesyuarat bagi membincangkan isu berbangkit, dapatan, tindakan penambahbaikan dan inovasi yang boleh dilakukan daripada **pelaporan CDL-CQI** untuk menambahbaik program di pusat pengajian kejuruteraan. Pensyarah jugak perlu membuat **semakan secara rawak terhadap pelajar** bagi tujuan **semakan silang** dengan data yang diperolehi. Selain itu, pensyarah disarankan memberikan masa selama 10 minit kepada pelajar dalam waktu kuliah untuk mengisi *Entrance Survey* pada minggu pertama dan *Exit Survey* pada minggu terakhir sesi pengkuliahannya (**Lampiran 4.4.3.1 (c)**).

Selain itu, setiap dapatan atau isu daripada penilaian akreditasi dianalisis dan tindakan penambahbaikan yang sewajarnya diambil bagi menangani setiap dapatan atau isu tersebut. **Lampiran 4.4.3.2 (a)**, **Lampiran 4.4.3.2 (b)**, **Lampiran 4.4.3.2 (c)** dan **Lampiran 4.4.3.2 (d)** menunjukkan contoh slaid pembentangan oleh pusat pengajian kejuruteraan dalam mesyuarat MKSP Khas Bil. 1/2021. Oleh itu, segala tindakan penambahbaikan ini perlu dilaksanakan bagi **mendapatkan pengiktirafan sesuatu program**.

SENARAI BUKTI :

1. [K0060_A01_AB04_AC03_20221_UITM CPP_K4_LAMPIRAN 4.4.3.1.pdf](#)
2. [K0060_A01_AB04_AC03_20222_UITM CPP_K4_LAMPIRAN 4.4.3.2.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

UiTM CPP sentiasa bergiat aktif menjalankan projek inovasi bagi memantapkan lagi bidang tumpuan PdP. Hasilnya terdapat **tiga (3) sistem yang telah dibangunkan** iaitu, **OBE-ANAS, POsIMS dan SSPOMS**.

OBE-ANAS adalah sistem yang dibangunkan untuk memantau dan menganalisis pencapaian PO bagi setiap pelajar, kohort dan program. Sistem ini mula digunakan pada tahun 2011 oleh PPKE dan ianya sentiasa ditambahbaik sehingga pada tahun 2022 telah terdapat versi yang ke-15 (**Lampiran 4.5.1(a)**). Selain PPKE, sistem ini turut digunakan oleh PPKM dan PPKK. Oleh kerana **sistem OBE-ANAS sangat efektif**, ianya juga telah diaplikasikan oleh beberapa kampus cawangan UiTM yang lain seperti kampus Pasir Gudang, Dungun dan Samarahan (**Lampiran 4.5.1(b)**) Pencapaian yang paling membanggakan ialah sistem ini telah diaplikasikan di IKTBN Temerloh sebagai mekanisme utama dalam pengukuran analisis OBE bagi 12 Program Teknologi Kujuruteraan. Bagi memantapkan lagi pemantauan PO, PPKA UiTM CPP juga telah berjaya membangunkan sebuah lagi sistem yang dinamakan POsIMS (**Lampiran 4.5.1(c) dan 4.5.1(d)**)

Selain itu, SSPOMS merupakan sebuah sistem yang dikendalikan oleh BHEA dan **sistem ini merupakan pelengkap kepada sistem OBE-ANAS dan POsIMS (Lampiran 4.5.1(d))**. Dengan menggunakan sistem ini, komunikasi dua hala antara pelajar dan PA dapat dijalankan yang mana para pelajar boleh mengakses 12 data PO yang diperolehi selepas mendapat keputusan peperiksaan. Berdasarkan PO yang diperolehi, pelajar boleh memberikan cadangan atau perancangan kepada PA untuk menambahbaik pencapaian PO masing-masing. PA pula dikehendaki memberikan komen terhadap cadangan tersebut dan ini adalah sebagai panduan kepada pelajar untuk menghabiskan pengajian mereka dengan mendapat keputusan yang lebih baik dan cemerlang. Ketiga-tiga sistem ini telah menyebabkan **pelaksanaan sistem OBE di UiTM CPP menjadi lebih sistematik dan teratur**.

Disamping membangunkan sistem aplikasi, UiTM CPP juga turut berusaha **meningkatkan kepakaran pensyarah** melalui pelbagai inisiatif seperti, Projek Khas Rektor yang mana Unit Akreditasi dan Pengiktirafan telah melaksanakan bengkel **Route to C.Eng dan bengkel Completing the C.Eng Application Form Preparing for the Interview** dalam **meningkatkan pencapaian PI096**. Selain itu, pensyarah UiTM CPP juga dapat **menyerlahkan kepakaran ke peringkat luar** melalui lantikan sebagai Panel Penilai EAC, Mentorship dan Penemuduga (**Lampiran 4.5.2(a) dan 4.5.2(b)**). Usaha ini membolehkan UiTM CPP **berjaya memperoleh pengiktirafan akreditasi penuh daripada EAC bagi tiga (3) program kejuruteraan**. Secara tidak langsung ianya telah **menyerlahkan profesionalisme warga UiTM CPP**.

SENARAI BUKTI :

1. [K0060_A01_AB05_20221_UITM CPP_K4_LAMPIRAN 4.5.1.pdf](#)
2. [K0060_A01_AB05_20222_UITM CPP_K4_LAMPIRAN 4.5.2.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan Bahagian Pentadbiran dijalankan berteraskan kepada Objektif Kualiti Staf (OKS 1). Dalam OKS1, sasaran adalah untuk **meningkatkan bilangan staf akademik dengan kelayakan profesional sebanyak 20 orang** menjelang 2025. Ini selaras dengan objektif yang menekankan kualiti pendidikan dengan mengambilkira pengiktirafan badan profesional untuk dijadikan bukti kepada taraf sistem pengajian dan pembelajaran. Ianya juga bertepatan dengan Pelan Strategik UiTM 2025 yang mana matlamat strategiknya adalah bagi **menjadikan UiTM antara universiti terkemuka dunia** dengan salah satu daripada tiga (3) teras strategik adalah Pendidikan Berkualiti selaras dengan Fokus Strategik KPT2021 yang ketiga iaitu memperkukuhkan kebolehpasaran graduan.

Sehingga kini di UiTM CPP sendiri mencatatkan jumlah staf yang berkelayakan professional telah pun mencapai sebanyak 122 orang pada tahun 2021, iaitu telah pun melebihi sasaran **OKS 1** dan **PI 096**. Selain itu, Bahagian Pentadbiran juga mengatur pelbagai strategi untuk memastikan bilangan pensyarah yang berkelayakan PhD dan profesional akan bertambah pada masa akan datang. Antara inisiatif yang disediakan untuk mencapai sasaran ini adalah dengan memberikan cuti belajar bergaji penuh kepada mana-mana staf yang ingin menyambung ke peringkat PhD dan juga menawarkan pembayaran yuran tahunan untuk kelayakan profesional bagi staf yang terlibat.

Di samping itu, pemerksaan bakat berdasarkan kepakaran dan kemahiran staf juga amat dititikberatkan di UiTM CPP. Antara inisiatif tersebut adalah dengan memberikan cuti belajar, latihan kepakaran, penubuhan Special Interest Group (SIG) dan Research Interest Group (RIG) dan juga sokongan berterusan dalam menjalankan apa-apa aktiviti dan program yang berkaitan. Bahagian Pentadbiran juga aktif dalam membuat pemantauan terhadap staf yang menyambung PhD bagi memastikan mereka mencapai "Graduate on Time" (GOT) seperti yang disasarkan dalam OKS 3. Terdapat juga staf yang menjadi pakar rujuk mengikut bidang kepakaran masing-masing.

Pemantauan Bahagian Pentadbiran dilakukan dengan menggunakan sistem **e-aduan** dan **Kajian Indeks Kegembiraan UiTM (UHI3.0)**. Sistem aduan pelanggan iaitu e-aduan adalah salah satu medium yang digunakan dan merupakan kaedah yang dipraktikkan oleh Bahagian Pentadbiran untuk mendapatkan maklumbalas pelanggan secara dalam talian. UHI3.0 adalah hasil usahasama daripada penaung projek iaitu Naib Canselor UiTM bersama Bahagian Pentadbiran dan pasukan yang dilantik dalam membuat penilaian terhadap **tahap kegembiraan staf (akademik dan pentadbiran)** yang dijalankan pada **dua tahun sekali**. Kajian ini dijalankan adalah untuk mengukur indeks kegembiraan staf UiTM pada tahun 2020 dengan menggunakan model PERMAI (**P**ositive emotion, **E**ngagement, **R**elationship, **M**eaning, **A**ccomplishment dan **I**nfrastructure).

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Program pembangunan staf UiTM CPP meliputi tiga aspek utama iaitu, peningkatan jumlah staf berkelayakan ijazah doktor falsafah (PhD), Jurutera Profesional (PE) dan juga peningkatan kerjaya staf dalam perkhidmatan. Keperluan ini bukan sahaja bagi memenuhi keperluan piawaian akreditasi, tetapi ia juga sebagai satu pencapaian dan kepuasan dalam kerjaya bagi staf di UiTM CPP. Bahagian Pentadbiran sentiasa memberi perhatian terhadap pemerkasaan bakat berdasarkan kepakaran dan kemahiran staf. Sehingga kini, UiTM CPP mempunyai sejumlah 156 staf akademik dengan PhD., 27 orang staf berkelayakan Profesor Madya dan 2 orang staf dengan kelayakan profesor VK7 **Lampiran 5.2.1(a)**. Sehingga tahun 2021, jumlah staf akademik yang berkelayakan profesional telah mencapai sebanyak 122 orang.

Mengikut Pelan Strategik 2021, terdapat 64 petunjuk prestasi utama kampus yang dibangunkan dan ditetapkan berdasarkan Pelan Strategik UiTM 2020-2025. Daripada 64 petunjuk prestasi ini, 7 daripadanya adalah ditetapkan untuk Bahagian Hal Ehwal Akademi seperti dalam **Lampiran 5.2.1(b)**. Pendekatan dilakukan mengikut perubahan pada Rancangan Malaysia Ke-11 kepada Pelan Strategik UiTM 2020-2025. Dalam merealisasikan perubahan ini, KPI Objektif Kualiti Kampus (OKK) 2021-2025 telah dirangka semula seperti yang dinyatakan di dalam **Lampiran 5.2.1(c)**. KPI OKK1 menyasarkan 100% kurikulum melalui proses semakan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 3-5 tahun. Selain itu, KPI OKK2 memastikan 8 program kejuruteraan dan 12 program bukan kejuruteraan mendapat pengiktirafan daripada badan-badan profesional tempatan dan antarabangsa. KPI OKK 3 adalah memastikan 30% pensyarah adalah berkelayakan PhD menjelang 2025. Objektif Kualiti Staf (OKS) bagi UiTM CPP berkenaan bidang tumpuan ini adalah objektif pertama di mana UiTM CPP telah meletakkan sasaran meningkatkan bilangan staf akademik dengan kelayakan profesional sebanyak 20 orang menjelang tahun 2025.

Dalam memastikan setiap program samada kejuruteraan dan bukan kejuruteraan mendapat pengiktirafan, Bahagian Pentadbiran mengatur strategi yang efektif bagi memastikan bilangan staf yang mempunyai kelayakan profesional bagi memenuhi piawaian yang telah ditetapkan oleh badan akreditasi dan profesional yang terlibat. Salah satu usaha yang dilakukan bagi memastikan staf berkelayakan profesional mencukupi Bahagian Pentadbiran telah mengatur strategi dengan cara membuat pelunjuran terhadap bilangan staf berdasarkan keperluan badan akreditasi yang terlibat. Pelunjuran ini adalah berdasarkan perancangan strategik UiTM 2025 seperti dalam **Lampiran 5.2.1(d)**. Bahagian Pentadbiran sentiasa merancang dan merangka program bersama-sama setiap pusat pengajian, fakulti, jabatan dan unit agar segala keperluan ini dapat dipenuhi dari masa ke semasa.

Penetapan nisbah bilangan staf dengan kelayakan profesional diberi penekanan sewajarnya oleh pengurusan UiTM CPP bagi memenuhi syarat dan keperluan yang telah ditetapkan oleh badan akreditasi seperti dalam **Lampiran 5.2.1(e)**. Selain daripada itu, Bahagian Pentadbiran sangat menyokong bagi staf yang memohon untuk mendapatkan kelayakan profesional, dengan memberi kelulusan kepada staf untuk menjalani latihan profesional bagi memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh Lembaga Jurutera Malaysia seperti di **Lampiran 5.2.2(a)**. Bagi staf yang telah memperoleh kelayakan profesional, mereka boleh membuat permohonan kepada bahagian pentadbiran untuk membiayai yuran tahunan seperti dalam **Lampiran 5.2.2(b)**. Antara inisiatif lain adalah menjalani latihan profesional selama setahun dengan bergaji penuh dan latihan sangkutan selama 6 bulan akan mendapat pengurangan Amanah Tugas Akademik (ATA) sebanyak 6 jam seperti dalam **Lampiran 5.2.3**.

SENARAI BUKTI:

1. [K0060_S01_SB02_20221_UiTM CPP_K5 Lampiran 5.2.1.pdf](#)
2. [K0060_S01_SB02_20222_UiTM CPP_K5 Lampiran 5.2.2.pdf](#)
3. [K0060_S01_SB02_20223_UiTM CPP_K5 Lampiran 5.2.3.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Perlaksanaan pemeraksanaan bakat telah disusun dengan memberi pelbagai inisiatif berterusan yang dirancang bersama Bahagian Pentadbiran dan semua pusat pengajian kejuruteraan, fakulti, jabatan dan unit di UiTM CPP. Di antara inisiatif yang telah diambil adalah dengan mewujudkan unit-unit khas di peringkat pusat pengajian, fakulti, jabatan dan unit untuk merangka program pembangunan, memantau, melatih serta memberi galakan dan sokongan kepada staf bagi mencapai jumlah kelayakan profesional bagi memenuhi keperluan akreditasi seperti di **Lampiran 5.3.1(a)**. Dengan inisiatif tersebut, kepakaran staf dapat ditingkatkan dan seterusnya dapat membantu setiap program dalam mendapat akreditasi daripada agensi yang terlibat. Selain itu usaha yang berterusan ini terus dijayakan dengan adanya program mentor-mentee dalam menyelia dan membantu staf yang sedang dalam permohonan untuk mendapatkan kelayakan profesional seperti di **Lampiran 5.3.1(b)**. Dalam **Lampiran 5.2.2(b)** menunjukkan antara inisiatif yang dijalankan oleh Bahagian Pentadbiran dalam memperkasakan kelayakan profesional staf di UiTM CPP. Disamping itu satu Projek Khas Rektor telah dilancarkan dibawah kelolaan Bahagian Pentadbiran iaitu Bengkel *Route to C.Eng* dengan kerjasama industri IET Malaysia Local Network dan Bengkel *Completing the C.Eng Application Form and Preparing for the Interview* seperti di **Lampiran 5.3.1(c)**. Justeru dengan adanya inisiatif ini ia dapat membantu ahli akademik berkaitan tatacara pengisian borang permohonan serta keperluan lain yang diperlukan sebagai persediaan sesi temuduga bersama badan profesional.

Selain itu dalam mencapai inisiatif PI096, banyak peluang yang diperolehi oleh staf yang berkelayakan profesional dari UiTM CPP antaranya ialah menjadi sebagai pakar rujuk bagi MQA, BEM, dan ETAC seperti dalam **Lampiran 5.3.1(d)**. Terdapat juga staf yang menjadi pakar rujuk dalam pelbagai bidang termasuk iQMS, KIK, organisasi luar dan pelbagai lagi bidang kepakaran seperti ditunjukkan dalam **Lampiran 5.3.2(a)**. Kepakaran staf ini telah ditonjolkan ketampakan apabila dilantik sebagai panel penilai EAC oleh Lembaga Jurutera Malaysia **Lampiran 5.3.2(b)**. Antara tanggungjawab sebagai panel penilai EAC adalah sebagai panel penilai lawatan akreditasi program kejuruteraan Universiti Malaysia Pahang (UMP). Disamping itu kepakaran staf yang berkelayakan profesional ini juga dapat dilihat apabila mereka dilantik menjadi panel penemuduga calon yang memohon kelayakan sebagai jurutera profesional **Lampiran 5.3.2(b)**.

Dengan adanya pertambahan dalam kepakaran dan kemahiran staf, secara tidak langsung dapat memberi manfaat kepada universiti. Ini dapat dilihat terutamanya dalam mendapatkan geran industri **Lampiran 5.3.3**, di mana pihak industri lebih percaya dengan kepakaran yang ditonjolkan dari segi kelayakan profesional staf di UiTM CPP. Secara tidak langsung proses perpindahan ilmu oleh staf UiTM CPP kepada komuniti setempat telah berlaku dengan jayanya.

SENARAI BUKTI :

1. [K0060_S01_SB03_20221_UiTM CPP_K5 Lampiran 5.3.1.pdf](#)
2. [K0060_S01_SB03_20222_UiTM CPP_K5 Lampiran 5.3.2.pdf](#)
3. [K0060_S01_SB03_20223_UiTM CPP_K5 Lampiran 5.3.3.pdf](#)
- 4.
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Bahagian Pentadbiran bertanggungjawab didalam menjaga dan memelihara kepuasan hati dan kegembiraan staf dan telah menyediakan beberapa iniatif bagi mendapatkan makluman berkaitan tahap kepuasan dan maklumbalas staf.

E-Aduan

Sistem e-aduan adalah salah satu medium yang digunakan oleh Bahagian Pentadbiran bagi menguruskan urusan aduan secara atas talian, yang dikawal selia oleh moderator e-aduan dari Unit Komunikasi Korporat UiTM CPP. Sistem e-aduan ini dapat diakses di laman sesawang UiTM CPP seperti di **Lampiran 5.4.1.1(a)** dan aduan boleh dibuat berdasarkan kepada tiga saluran aduan yang terdiri daripada aduan korporat, aduan ICT dan aduan fasiliti di **Lampiran 5.4.1.1(b)**. Sistem e-aduan ini digunakan untuk memudahkan komunikasi secara atas talian agar maklumbalas dapat disimpan, direkodkan dan diambil tindakan yang sewajarnya. Semua aduan yang diterima akan disalurkan kepada wakil e-aduan yang telah dilantik disetiap bahagian, jabatan atau pusat pengajian yang berkenaan untuk tindakan selanjutnya, merujuk kepada Carta Alir Siasatan Aduan dalam **Lampiran 5.4.1.1(c)**. Prinsip yang diamalkan oleh Unit Komunikasi Korporat adalah untuk bertindak menyelesaikan aduan dalam masa maksimum selama tujuh hari dan bergantung kepada jenis aduan yang diterima. **Lampiran 5.4.1.2(a)**, **Lampiran 5.4.1.2(b)** dan **Lampiran 5.4.1.2(c)** menunjukkan jumlah aduan yang diterima, jumlah mengikut kategori dan kadar penyelesaian aduan bermula 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2021.

Kajian Indeks Kegembiraan (UHI 3.0)

Kajian Indeks Kegembiraan UiTM 3.0 (UHI 3.0) adalah iniatif yang dijalankan di seluruh rantaian UiTM bagi mendapatkan penilaian tahap kegembiraan staf yang dijalankan dua tahun sekali. Kajian indeks kegembiraan (UHI3.0) pada tahun 2020 menggunakan instrumen yang dibina berdasarkan Model Kegembiraan PERMAI dalam **Lampiran 5.4.1.3(a)**. Pengumpulan data kajian untuk kampus UiTM CPP bagi tahun 2020 telah dijalankan pada tarikh 1 Oktober hingga 30 Oktober 2020, dengan mengedarkan borang kaji selidik secara atas talian seperti dalam **Lampiran 5.4.1.3(b)**, **Lampiran 5.4.1.3(c)** dan **Lampiran 5.4.1.3(d)**. Kaji selidik seterusnya akan dijalankan pada tahun 2022.

SENARAI BUKTI:

1. [K0060_S01_SB04_SC01_20221_UiTM CPP_K5_Lampiran 5.4.1.1.pdf](#)
2. [K0060_S01_SB04_SC01_20222_UiTM CPP_K5_Lampiran 5.4.1.2.pdf](#)
3. [K0060_S01_SB04_SC01_20223_UiTM CPP_K5_Lampiran 5.4.1.3.pdf](#)
- 4.
- 5.

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Kelangsungan sesebuah aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) memerlukan analisis risiko supaya aktiviti tidak terbantut jika wujud sebarang masalah semasa pelaksanaan aktiviti tersebut. Jawatankuasa pengurusan risiko memainkan peranan penting dalam penyelarasan aktiviti bagi mengurangkan berlakunya kerugian. Jawatankuasa ini juga berperanan untuk menjalankan aktiviti penyelarasan bersepadu bagi menghadapi sebarang kemungkinan yang boleh mengganggu operasi organisasi. Kemahiran mengurus risiko akan menyelaraskan pelan tindakan sebagai satu kawalan dalaman melalui tindakan pencegahan dan pemulihan bagi mengatasi masalah dan kelemahan yang dihadapi.

Pelaksanaan aktiviti atau program dalam bidang tumpuan mempunyai risiko kepada Bahagian Pentadbiran UiTM CPP. Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UiTM Negeri (JKKPN) akan mengenal pasti risiko sumber manusia semasa sesi penilaian aktiviti dan merancang tindakan pencegahan bagi risiko berkenaan. Carta organisasi penglibatan staf UiTM dalam JKKPN adalah seperti dalam **Lampiran 5.4.2.1(a)**. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang yang sedang bekerja dan melindungi orang lain daripada bahaya-bahaya keselamatan dan kesihatan yang berpunca daripada aktiviti pengajaran dan pembelajaran di UiTM CPP.

Kepakaran dan kemahiran staf adalah penting kepada UiTM CPP bagi meningkatkan prestasi pengajaran dan pembelajaran. Kepakaran dan kemahiran staf juga diperlukan untuk bagi memenuhi syarat untuk mendapatkan pengiktirafan badan profesional EAC/ETAC dan MBOT. Untuk meningkatkan kepakaran dan kemahiran staf, pelbagai aktiviti dan program latihan perlu dipertingkatkan. Tindakan pencegahan dengan memastikan sumber kewangan mencukupi bagi menetapkan peranan antara pihak berkepentingan dan menyediakan kepakaran dan kemahiran sebagai tenaga penggerak.

Bahagian Pentadbiran bertanggungjawab untuk memastikan setiap program yang diadakan bukanlah merupakan program tunggal. Kaedah yang digunakan supaya setiap program dapat dilaksanakan secara berterusan adalah dengan mementerai perjanjian persefahaman/ persetujuan (MOA/ MOU) dengan pihak-pihak yang terlibat. Dengan pelaksanaan program ini semua pemegang taruh mendapat faedah yang berterusan. **Lampiran 5.4.2.1(b)** menunjukkan contoh majlis Pementeraan persefahaman yang telah diadakan di UiTM CPP. **Lampiran 5.4.2.1(c)** menunjukkan senarai MoA yang telah dimeterai pada tahun 2021.

SENARAI BUKTI :

1. [K0060_S01_SB04_SC02_20221_UiTM CPP_K5_Lampiran 5.4.2.1.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
5. [K0060_S01_SB04_SC02_20221_UiTM CPP_K5_Lampiran 5.4.2.1.pdf](#)

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bagi mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif, Bahagian Pentadbiran sentiasa menitik beratkan aspek keselesaan, kesihatan, keselamatan dan lain-lain penambahbaikan secara berterusan. Ini termasuklah keperluan untuk menyemak, menilai pencapaian tahap kemahiran serta kepakaran staf. Mekanisma yang diambil adalah melalui resolusi yang dibincangkan didalam mesyuarat bersama jawatankuasa terlibat. Mesyuarat yang terlibat adalah dari seperti Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN), Mesyuarat Jawatankuasa Kesepakatan, Mesyuarat Panel Pembangunan Manusia (PPSM), Mesyuarat Perancangan Strategik dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP). **Lampiran 5.4.3.1(a)** menunjukkan contoh maklumbalas yang dibincangkan dan penambahbaikan yang diambil semasa mesyuarat MKSP. Semua aduan yang diajukan melalui email, sistem e-aduan dan penyampaian secara terus telah mendapat maklumbalas dari pihak yang bertanggungjawab.

Antara tindakan penambahbaikan untuk mewujudkan persekitaran kerja kondusif adalah dengan membangunkan Sistem Pengurusan Aktiviti Kampus (CAMS) & aplikasi UiTMPPMS seperti di **Lampiran 5.4.3.1(b)** dan **Lampiran 5.4.3.1(c)**. Sistem ini memudahkan pihak penganjur dan juga peserta untuk memberi dan mendapatkan maklumbalas. Selain itu dengan membangunkan sistem e-direktori staf dan e-aktiviti pelajar (HEP) kerja pengurusan dapat di tadbir urus dengan lebih baik seperti di **Lampiran 5.4.3.1(d)** dan **Lampiran 5.4.3.1(e)**.

UiTMCPP telah menggunakan sistem rekod kehadiran menggunakan telefon pintar (aplikasi HR2U) dan memantau kehadiran staf dikampus menggunakan sistem e-pkp. Semua penambahbaikan sistem pentadbiran ini dilaksanakan atas hasil maklum balas daripada staf dan pelajar di **Lampiran 5.4.3.2(a)**.

Penambahbaikan program latihan juga boleh dilakukan dengan mengambil kira maklum balas peserta program seperti di **Lampiran 5.4.3.2(b)**. Dengan wujudnya sistem aplikasi yang komprehensif, tindakan penambahbaikan boleh diambil dan keberkesanan program boleh dikaji semula. Oleh itu prestasi dan kepakaran staf dapat dipertingkatkan. Bukan itu sahaja, semua keperluan staf dan pelajar juga dapat dinaik taraf dengan penyediaan kemudahan dan sistem yang lebih mesra pengguna.

UiTMCPP juga telah menaik taraf capaian internet di kampus dan kolej untuk memberi kemudahan kepada staf dan pelajar untuk proses pembelajaran dan pengajaran yang berlangsung secara atas talian seperti di **Lampiran 5.4.3.3(a)**, **Lampiran 5.4.3.3(b)** dan **Lampiran 5.4.3.3(c)**.

SENARAI BUKTI :

1. [K0060_S01_SB04_SC03_20221_UiTMCPP_K5_Lampiran 5.4.3.1.pdf](#)
2. [K0060_S01_SB04_SC03_20222_UiTMCPP_K5_Lampiran 5.4.3.2.pdf](#)
3. [K0060_S01_SB04_SC03_20223_UiTMCPP_K5_Lampiran 5.4.3.3.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Bahagian Pentadbiran adalah bahagian yang penting dalam sesuatu organisasi, dimana Bahagian Pentadbiran ini dianggap sebagai **pemangkin dan penggerak kepada kesejahteraan dan kejayaan organisasi tersebut**. Kampus UiTM CPP amat menghargai segala sumbangan dan pengorbanan yang telah dicurahkan kepada kecemerlangan kampus ini. Galakan dan dorongan bagi menaikkan nama kampus UiTM CPP ke persada antarabangsa telah diterapkan kepada semua warga kampus untuk bersama dalam menjayakan matlamat ini. Galakan ini membolehkan terhasilnya pelbagai inovasi yang telah berjaya membawa nama kampus UiTM CPP ke arah kecemerlangan. Pelbagai penghargaan dan pengiktirafan telah disenaraikan sebagai pencapaian kampus dan berbagai anugerah telah diberikan kepada warga staf secara berkumpulan atau individu yang telah berbakti bagi menyumbang kepada kejayaan ini. Antara **kejayaan UiTM CPP yang boleh di banggakan** adalah kejayaan dalam **akreditasi selama 6 tahun untuk program pengajian kejuruteraan iaitu Kejuruteraan Kimia, Mekanikal dan Elektrik**.

Salah satu cara yang digunakan bagi menyampaikan penghargaan ini adalah melalui majlis Hari Inovasi yang diadakan pada setiap tahun bagi menyampaikan penghargaan dan pengiktirafan ini kepada staf. Hari Inovasi 2021 bagi kampus UiTM CPP telah diadakan pada tarikh 17 Disember 2021 di Dewan Besar UiTM CPP bagi menyampaikan penghargaan dan pengiktirafan tersebut, perjalanan dan laporan Hari Inovasi 2021 di dalam Buletin eLingua di **Lampiran 5.5.1**. Antara anugerah dan penghargaan yang diberikan kepada staf akademik dan pentadbiran adalah seperti senarai yang dilampirkan di **Lampiran 5.5.2** iaitu anugerah bagi staf akademik dan staf pentadbiran ini telah lama di budayakan di UiTM CPP untuk memberi motivasi kepada semua staf.

Kejayaan akreditasi adalah hasil dari keberkesanan bahagian pentadbiran dan tadbir urus yang mantap dari semua pihak di UiTM CPP. Keberkesanan Bahagian Pentadbiran dan budaya yang positif dapat dilihat dari keputusan Kajian Indeks Kegembiraan 2020. **Indeks kegembiraan** yang di catat kan pada tahun 2020 hasil daripada kaji selidik untuk keseluruhan staf adalah mencatatkan indeks kegembiraan **keseluruhan 72%** seperti di **Lampiran 5.5.3(a)**. Keputusan ini mencerminkan pendapat keseluruhan staf yang ada di dalam sistem UiTM CPP kerana jumlah responden yang terlibat dengan kaji selidik di UiTM CPP mencatatkan jumlah **respondent kedua tertinggi di dalam keseluruhan sistem UiTM Malaysia iaitu sebanyak 97.2%** seperti dalam lampiran **Lampiran 5.5.3(b)**.

SENARAI BUKTI :

1. [K0060_S01_SB05_20221_UiTM CPP_K5 Lampiran 5.5.1.pdf](#)
2. [K0060_S01_SB05_20222_UiTM CPP_K5 Lampiran 5.5.2.pdf](#)
3. [K0060_S01_SB05_20223_UiTM CPP_K5 Lampiran 5.5.3.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Garis panduan Education 5.0@UiTM Pillar 1 menggariskan betapa pentingnya keperluan kepada suatu program pengajian yang boleh menyediakan mahasiswa yang bersifat adaptif, berdaya tahan (resilience) sentiasa bersedia untuk '**Learn, Unlearn, ReLearn and CoLearn**' dan mengambil bahagian secara berkesan dalam kehidupan di abad ke 21 ini. Demi memastikan mahasiswa dan mahasiswi yang mengikuti pengajian di UiTM CPP terjamin dari segi prasarana PdP terkini dan peluang pekerjaan apabila memasuki pasaran kerja, pengurusan kampus UiTM CPP komited dalam memastikan program-program yang ditawarkan mendapat pengiktirafan badan-badan profesional. **OKK 2** yang digariskan oleh Unit Pengurusan Kualiti dan Akreditasi menyatakan pengurusan kampus akan **memastikan 8 program kejuruteraan dan 12 program bukan kejuruteraan mendapat pengiktirafan dari badan-badan profesional tempatan dan antarabangsa**. Pengiktirafan program kejuruteraan dikawalselia oleh Engineering Accreditation Council (EAC). EAC menetapkan bahawa setiap mahasiswa yang bergraduat dari suatu program kejuruteraan perlulah dilengkapi dengan dua belas (12) ciri yang dikenali sebagai *programme outcome (PO)*. Proses akreditasi suatu program kejuruteraan akan mengukur sejauh mana penerapan 12 ciri tersebut di dalam program pengajian pelajar. Mahasiswa yang bergraduat dari program kejuruteraan yang diiktiraf oleh EAC boleh memasuki pasaran kerja sebagai seorang jurutera. Sejak dari 2009, pengurusan UiTM CPP secara proaktif telah menggerakkan warga menggembleng kepakaran untuk membangunkan suatu sistem pemantauan PO yang cekap dan tersusun yang diperlukan untuk membantu ke arah pencapaian akreditasi program pengajian yang ditawarkan. UiTM Cawangan Pulau Pinang telah berjaya membangunkan tiga sistem pemantauan PO iaitu **OBE-ANAS** oleh Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik, **POsIMS** oleh Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam dan sistem **SSPOMs** oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik, UiTM Cawangan Pulau Pinang. Pada tahun 2021, UiTM CPP telah berjaya mendapat **akreditasi penuh (6 tahun) untuk tiga program kejuruteraan** iaitu Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan) dengan Kepujian, Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrikal & Elektronik (Kepujian) dan Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia (Persekitaran) dengan Kepujian. Pengiktirafan ini membuka peluang graduan UiTM CPP untuk meluaskan kebolehpasaran kerjaya di peringkat antarabangsa.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Program pengajian yang diakreditasi telah melalui beberapa proses iaitu proses penilaian, semakan dan penandaarasan terperinci untuk memastikan graduan yang dihasilkan berkualiti, berdaya saing dan memenuhi kehendak terkini pihak industri. UiTM CPP telah mengambil langkah ke hadapan dengan mewartakan **OKK 2** tentang keperluan kepada program pengajian yang ditawarkan perlu memperolehi pengiktirafan badan profesional tempatan dan antarabangsa. Setiap program pengajian yang melalui proses akreditasi perlu melalui proses semakan kurikulum yang ketat. Ini adalah selari dengan **OKK 1** yang menggariskan bahawa pengurusan kampus akan **memastikan 100% kurikulum melalui proses semakan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 3-5 tahun**. Proses umum semakan kurikulum ditunjukkan dalam **Lampiran 6.2.1 (a)**. Proses semakan kurikulum di peringkat pusat pengajian melibatkan penilaian data pencapaian PO dan melibatkan pemegang taruh seperti alumni, majikan, pemeriksa luar, panel penasihat industri dan badan profesional. Maklumbalas dari semua pihak terlibat menjadi panduan kepada proses semakan kurikulum. Proses ini ditunjukkan di dalam **Lampiran 6.2.1 (b)**.

Bagi memantapkan proses semakan, pengukuran pencapaian PO pelajar yang mengikuti program pengajian serta pemantauan pencapaian pelajar secara individu telah dilakukan secara sistematik dan tersusun melalui pembangunan sistem **OBE – ANAS** dan **POsIMS**. **Lampiran 6.2.2 (a) dan Lampiran 6.2.2 (b)** menunjukkan komponen sistem **OBE – ANAS** dan komponen sistem **POsIMS**. Penglibatan pelajar di dalam pemantapan program diperkukuhkan dengan pembangunan sistem **SSPOMs** oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik, UiTM CPP. Kewujudan sistem ini telah meningkatkan **kecekapan dan kepantasan** pengumpulan maklum balas pelajar dan pelaksanaan tindakan oleh pusat pengajian. **Lampiran 6.2.2 (c)** menunjukkan carta alir operasi sistem **SSPOMs**.

Sistem ini telah memberi kemudahan kepada pelajar untuk mendapatkan maklumat pencapaian PO masing-masing. Melalui sistem ini, pelajar dapat berinteraksi dengan penasihat akademik (PA) masing-masing dan berbincang dan memberi maklumbalas punca ketidakcapaian serta boleh memberi saranan langkah penambahbaikan yang diperlukan. Maklumat ini akan disalurkan oleh penasihat akademik kepada pihak fakulti untuk tujuan tindakan pencegahan dan penambahbaikan. Kemudahan ini ditunjukkan oleh **Lampiran 6.2.2 (d)**. **Lampiran 6.2.3** menunjukkan model Plan, Do, Check, Action (PDCA) yang digunakan di dalam pembangunan sistem pemantauan pencapaian PO pelajar.

SENARAI BUKTI:

1. [K0060_O01_OB02_20221_UiTM CPP_K6_6.2.1.pdf](#)
2. [K0060_O01_OB02_20222_UiTM CPP_K6_6.2.2.pdf](#)
3. [K0060_O01_OB02_20223_UiTM CPP_K6_6.2.3.pdf](#)
- 4.
- 5.

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Sistem **OBE-ANAS** diperluaskan kepada seluruh warga akademik melalui **penganjuran program ceramah dan bengkel pengenalan** bagi setiap sistem yang dibangunkan. Usaha berterusan ini adalah untuk memastikan kecaknaan dan kepekaan warga akademik yang holistik. Proses ini telah mengambil tempat sejak tahun 2008 lagi. Sehingga kini, sistem tersebar luas dan mendapat sokongan padu pihak pengurusan UiTM CPP. Sejarah pelaksanaan OBE dapat dilihat dalam **Lampiran 6.3.1 (a)**. Sistem **OBE-ANAS** telah mula dibangunkan pada Januari 2011 bagi membantu pusat pengajian dalam menganalisa pencapaian *Programme Outcomes (PO)* pelajar secara keseluruhan dan data-data tersebut digunakan oleh pusat pengajian untuk memantau prestasi program yang ditawarkan (**Lampiran 6.3.1 (b)**). Sistem ini dibangunkan dengan menggunakan pengaturcaraan Microsoft Visual C# dan Microsoft SQL Server yang digabungkan untuk menjadi sebuah sistem dalam talian yang bersepadu. Program **pendedahan secara bersemuka** sistem sedia ada serta pengukuhan pengurusan sistem OBE kampus terus menjadi agenda penting UiTM CPP. Kursus secara bersemuka memperkenalkan penggunaan sistem **OBE-ANAS** ke kampus-kampus cawangan terus dilaksanakan dan juga secara dalam talian dengan semua pihak termasuk wakil pusat pengajian dari dalam dan kampus luar telah dijalankan seperti dalam **Lampiran 6.3.1 (c)**.

Sistem pengurusan data pencapaian PO pelajar telah diperkukuhkan lagi dengan pelancaran sistem **SSPOMs**. Sistem ini telah dibangunkan untuk mempercepatkan pemprosesan data PO dari sistem **OBE-ANAS** dan **POsIMS (Lampiran 6.3.2)**. Penyampaian maklumat PO pelajar yang lebih cepat telah membantu kepada tindakan penambahbaikan pusat pengajian dan fakulti yang terlibat dan seterusnya mengukuhkan pencapaian PO pelajar. Ini ditunjukkan di **Lampiran 6.3.3** di bawah. **Lampiran 6.3.4** menunjukkan model *Plan, Do, Check, Action* (PDCA) yang digunakan untuk proses perluasan.

SENARAI BUKTI :

1. [K0060_O01_OB03_20221_UiTM CPP_K6_6.3.1.pdf](#)
2. [K0060_O01_OB03_20222_UiTM CPP_K6_6.3.2.pdf](#)
3. [K0060_O01_OB03_20223_UiTM CPP_K6_6.3.3.pdf](#)
4. [K0060_O01_OB03_20224_UiTM CPP_K6_6.3.4.pdf](#)
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

UiTM CPP mengurus sistem kerja dengan melaksanakan Perancangan Strategik dan menetapkan petunjuk prestasi utama (KPI) bagi bidang tumpuan. Bagi menambah baik sistem kerja, pihak PTJ UiTM CPP juga menetapkan OKS yang berfokus kepada penglibatan staf akademik dalam membangunkan sistem untuk penambahbaikan tadbir urus dalam menjamin keberhasilan dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggan.

UiTM CPP telah membuat Perancangan Strategik bagi tempoh 5 tahun RMK-11 (2016-2020) dan Perancangan Strategik UiTM 2025 dengan memberi fokus kepada **produk sistem utama yang telah dibangunkan**. **Lampiran 6.4.1.1** menunjukkan aliran proses-proses yang diperlukan dalam sistem pengurusan kualiti mengikut turutan bagi penambahbaikan berterusan sistem pengurusan kualiti di UiTM CPP. Dengan pembangunan sistem utama ini, pemantauan pencapaian *PO* dapat dijalankan untuk ketiga-tiga peringkat iaitu peringkat program, peringkat kursus dan peringkat sendiri. **Lampiran 6.4.1.2 (a)- Lampiran 6.4.1.2 (c)** menunjukkan bagaimana proses CDL berlaku dalam proses **OBE-ANAS** dan **POsIMS**.

Di peringkat program, sistem akan memantau setiap *PO* program secara berperingkat agar prestasi terhadap sesuatu kohort berada pada KPI yang ditetapkan. Pemantauan dibuat melalui pengukuran kepadatan *PO* bagi sesuatu program. Untuk mendapatkan kepadatan sesuatu *PO*, sistem akan mengira secara automatik peratusan kekerapan pelajar yang bersamaan dan melepasi nilai KPI yang ditetapkan.

Di peringkat kursus, sistem akan mengenalpasti setiap kursus yang tidak mencapai KPI. Ia dilakukan dengan mengenalpasti pencapaian purata dan kepadatan *PO*. Jika sesuatu kursus tidak mencapai KPI, pemantauan akan dibuat sehingga kitaran ke-6 dan pelaporan dilaksanakan setiap kitaran ke-3 dan ke-6. Jika kursus mencapai KPI, proses itu tamat serta merta.

Di peringkat pelajar, sistem akan menganalisa pencapaian *PO* pelajar secara individu terhadap kursus yang tidak mencapai KPI. Kursus dan pelajar tersebut akan dipantau secara berkala dan pelaporan akan dilaksanakan semasa mesyuarat *CQI* untuk tindakan susulan.

Manakala, sistem **SSPOMs** di kawalselia oleh pengurus OBE **SSPOMs (Lampiran 6.4.1.3 (a))**. Pengurus OBE melakukan pemantauan maklum balas pelajar dan juga penasihat akademik terhadap pencapaian *PO* yang telah dicapai oleh pelajar tersebut pada setiap hujung semester (**Lampiran 6.4.1.3 (b)**). **Lampiran 6.4.1.4 (a)** menunjukkan model PDCA dan penilaian yang digunakan untuk proses pemantauan (check).

SENARAI BUKTI:

1. [K0060_O01_OB04_OC01_20221_UiTM CPP_K6_6.4.1.1.pdf](#)
2. [K0060_O01_OB04_OC01_20222_UiTM CPP_K6_6.4.1.2.pdf](#)
3. [K0060_O01_OB04_OC01_20223_UiTM CPP_K6_6.4.1.3.pdf](#)
4. [K0060_O01_OB04_OC01_20224_UiTM CPP_K6_6.4.1.4.pdf](#)
- 5.

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Sistem pemantauan **OBE-ANAS** terdedah kepada kecuaiannya dalam memilih pemetaan *COPO* yang betul sewaktu mengisi template Excel yang akan dimuat naik ke dalam sistem **OBE-ANAS**. Penyaluran data yang dijana oleh sistem **OBE-ANAS** yang mengandungi kesilapan ke sistem **SSPOMs** akan menyebabkan ketepatan laporan data pencapaian *PO* di sistem **SSPOMs** turut terjejas. Keberkesanan sistem **SSPOMs** bergantung kepada pelajar dan penasihat akademik. Interaksi yang berkesan akan membantu kepada pengumpulan maklumbalas yang boleh digunakan untuk menambahbaik program pengajian. Sekiranya salah satu pihak tidak bertanggungjawab untuk mengisi maklumbalas yang diperlukan, matlamat pembangunan sistem tidak akan tercapai. Pengurusan data, maklumat dan pengetahuan yang dikumpulkan juga terdedah kepada risiko serangan virus, penggadam ataupun kerosakan pelayan (server breakdown). Unit Infostruktur UiTM CPP sentiasa proaktif dan optimis mendepani risiko dengan memulakan dan meneruskan tindakan pencegahan seperti yang ditunjukkan dalam **Lampiran 6.4.2.1 (a)**. Kesimpulannya, berdasarkan pengurusan sistem dan maklumat yang dilakukan jelas menunjukkan UiTM CPP telah menunjukkan pencapaian yang cemerlang khususnya di dalam menyumbangkan pembangunan sistem melalui penambahbaikan yang berterusan dan inovasi yang terhasil seterusnya dapat memastikan UiTM CPP mencapai pencapaian yang lebih baik di masa hadapan. **Lampiran 6.4.2.1 (b)** menunjukkan model PDCA yang digunakan untuk proses kenal pasti risiko.

SENARAI BUKTI :

1. [K0060_O01_OB04_OC02_20221_UiTM CPP_K6_6.4.2.1.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

6.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pihak UiTM CPP sentiasa komited dan secara konsisten melihat peluang dan melakukan penambahbaikan berterusan dalam mendapatkan kelulusan akreditasi daripada EAC, ETAC dan MBOT. Oleh itu dalam proses mengkaji semula dan membuat penambahbaikan dijelaskan melalui Pendekatan PDCA (Plan, Do, Check & Action) yang ditunjukkan oleh **Lampiran 6.4.3.1 (a)**. Secara lebih terperinci, maklum balas pelanggan adalah sangat penting bagi mengkaji semula dan membuat tindakan penambahbaikan sistem **OBE-ANAS**. Bagi memastikan penggunaan sistem **OBE-ANAS** berada di tahap yang maksimum dan dapat keperluan pelanggan, maka terdapat penambahbaikan telah dilakukan bermula dari tahun 2008 sehingga 2022 (**Lampiran 6.3.1 (a)**). Oleh yang demikian, tindakan penambahbaikan yang dilakukan adalah seiring dengan carta fungsi bahagian Infostruktur UiTM CPP (**Lampiran 6.4.3.1 (b)**). **Lampiran 6.4.3.1 (b)** menunjukkan empat (4) unit yang terdapat di Bahagian Infostruktur. Kesemuanya mempunyai fungsi ke arah penambahbaikan sistem dalam kampus khususnya seperti yang terdapat dalam **Unit Sistem Maklumat dan Unit Infostruktur ICT**. Bagi memastikan sistem dapat diakses dengan baik oleh pihak pusat pengajian dan fakulti, pelbagai bengkel dan latihan dilakukan kepada staf akademik terlibat dengan sistem **OBE-ANAS** (**Lampiran 6.4.3.1 (c)**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0060_O01_OB04_OC03_20221_UiTM CPP_K6_6.4.3.1.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Sistem **OBE-ANAS**, **POsIMS** dan **SSPOMs** yang telah dibangunkan oleh staf UiTM CPP berjaya memenuhi keperluan sistem pengurusan data pencapaian *PO* pelajar yang lebih sistematik. Kesemua sistem ini juga sangat membantu ke arah menguasai kesemua 12 *PO* mengikut piawaian badan profesional. Lantaran itu, sistem ini memudahkan proses penilaian akreditasi bagi sesebuah program. Secara umumnya, terdapat lima (5) aspek utama hasil pembudayaan inovasi melalui pembangunan sistem **OBE-ANAS**, **POsIMS** dan **SSPOMs**.

Pertama, melalui *PO Intervention Analysis* (**Lampiran 6.2.3**), pelajar yang tidak mencapai tahap *PO Attainment* yang sepatutnya akan **disalurkan kepada program-program intervensi bagi menambah baik pencapaian PO pelajar**. Program intervensi seumpama ini telah menjadi aktiviti pada setiap semester. **Lampiran 6.5.1** menunjukkan program-program intervensi yang dianjurkan oleh pusat pengajian bagi menambahbaik *PO* pelajar yang terlibat.

Kedua, hasil pembangunan sistem **OBE-ANAS**, **POsIMS** dan **SSPOMs** yang sistematik meningkatkan jaringan dan kolaborasi UiTM CPP dengan pihak luar universiti. Perkongsian ni merupakan bukti pihak UiTM CPP sentiasa berusaha bagi membudayakan perkongsian kepakaran, penyelidikan, inovasi serta pengajaran dan pembelajaran berkualiti ke arah mencapai akreditasi. Perkongsian pakar sistem ini boleh dirujuk dalam **Lampiran 6.5.2 (a)**. **Lampiran 6.5.2 (b)** berikut menunjukkan beberapa surat penghargaan daripada pihak luar universiti di atas perkongsian kepakaran daripada UiTM CPP.

Ketiga, pembudayaan inovasi mendapat dukungan kuat pihak pengurusan dengan anugerah pengiktirafan kepada staf yang telah menghasilkan produk inovasi. **Lampiran 6.5.3** menunjukkan penghargaan kampus kepada pembangun sistem **OBE-ANAS**.

Keempat, pengkomersilan produk inovasi menjadi suatu agenda penting UiTM CPP. Ini dinyatakan di dalam **OKK 6 di mana kampus akan menghasilkan sekurang-kurangnya lima projek inovasi bagi membantu sama ada sistem pengurusan kampus dan / atau agensi luar dan mengkomersialkan dua produk menjelang 2025**. Kejayaan UiTM CPP memperolehi projek perundingan sistem **OBE-ANAS** bernilai RM37000 dengan Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara Temerloh, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia merupakan salah satu indikator yang boleh dibanggakan (**Lampiran 6.5.4**).

Kelima, demi merangsang pembudayaan inovasi di kalangan staf, pengurusan UiTM CPP telah menyokong penglibatan staf dalam pertandingan inovasi. **Lampiran 6.5.5 (a)** dan **Lampiran 6.5.5 (b)** menunjukkan anugerah pencapaian staf dalam pertandingan inovasi melalui projek sistem **OBE-ANAS** dan **POsIMS**.

SENARAI BUKTI :

1. [K0060_O01_OB05_20221_UiTM CPP_K6_6.5.1.pdf](#)
2. [K0060_O01_OB05_20222_UiTM CPP_K6_6.5.2.pdf](#)
3. [K0060_O01_OB05_20223_UiTM CPP_K6_6.5.3.pdf](#)
4. [K0060_O01_OB05_20224_UiTM CPP_K6_6.5.4.pdf](#)
5. [K0060_O01_OB05_20225_UiTM CPP_K6_6.5.5.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

HASIL DARI OPERASI:

PEMBANGUNAN SISTEM (OBE) UNTUK PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Penambahbaikan kualiti berterusan atau *Continuous Quality Improvement* (CQI) adalah penting dalam peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran (PdP). Dapatan dari proses CQI digunakan untuk membantu organisasi membuat analisa sistematik keberkesanan sistem, mengambil tindakan pembetulan dan penambahbaikan berdasarkan fakta dan dapatan dari pemegang taruh yang tepat. Proses audit yang menyeluruh melibatkan analisa pengendalian dan pelaksanaan program secara dalaman dikukuhkan dengan dapatan dari analisa maklumbalas pelajar dan pihak industri. Panel penilai luar iaitu Pemeriksa Luar / *External Examiner* (EE) dan Panel Penasihat Industri / *Industrial Advisory Panel* (IAP) yang terdiri dari pensyarah pakar dan peneraju industri telah dilantik untuk memberi penilaian komprehensif terhadap keberkesanan dan kesesuaian program pengajian mengikut kehendak pasaran semasa.

Program Outcome (PO) merupakan salah satu komponen penting dalam PdP berasaskan *Outcome Base Education* (OBE). Pemantauan pencapaian PO pelajar yang bersifat semasa dan berterusan sangat diperlukan untuk mewujudkan kesediaan mental (*mental readiness*) pelajar dan pengurusan akan tahap pencapaian sebenar pelajar. UiTM Cawangan Pulau Pinang telah berjaya membangunkan tiga sistem pemantauan pencapaian PO pelajar iaitu **OBE-ANAS** oleh Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik (PPKE), **POsIMS** oleh Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam (PPKA) dan **SSPOMS** oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA), UiTM Cawangan Pulau Pinang.

Sistem pemantauan PO pelajar yang telah dibangunkan membolehkan:

- 1) Sistem pemantauan pencapaian PO pelajar secara individu.
- 2) Pemantauan sendiri tahap pencapaian PO pelajar.
- 3) Pemantauan berterusan PA akan tahap pencapaian PO pelajar di bawah seliaan.
- 4) Pengenalpastian pelajar yang tidak mencapai tahap PO yang sepatutnya.
- 5) Penyediaan dan penyaluran pelajar ke program intervensi yang sesuai untuk tindakan pencegahan dan penambahbaikan.
- 6) Pemerksaan program berdasarkan semakan kurikulum.

Pembangunan sistem-sistem pemantauan ini telah berjaya membantu pihak pusat pengajian dalam meningkatkan kecekapan mengumpul dan mengurus data pencapaian PO pelajar. Sistem yang dibangunkan juga telah memantapkan analisa data pencapaian PO pelajar melalui pemantauan yang lebih menyeluruh dan pelaksanaan tindakan pencegahan dan pembetulan yang lebih tepat dan berkesan.

Penggunaan sistem ini juga telah menguatkan keyakinan Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) terhadap keberkesanan tiga (3) program pengajian kejuruteraan UiTM CPP dengan **penganugerahan akreditasi selama 6 tahun**. Penganugerahan ini telah mengukuhkan kebolehpercayaan pihak industri terhadap kompetensi graduan lepasan program kejuruteraan UiTM CPP.

Aktiviti pembangunan sistem juga telah menyumbang kepada **penjanaaan pendapatan kampus** melalui penualan sistem kepada pihak luar seperti Institut Kemahiran Tinggi Belia

Negara (IKTBN) Temerloh. Selain itu pembangunan sistem ini juga menyumbang kepada peningkatan daya kreativiti melalui penghasilan dan pengiktirafan **produk inovasi**, peningkatan **pemilikan harta intelek** kampus dan juga peningkatan jumlah **penerbitan akademik**.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_K0060_HB02_20221_UiTM CPP_H1_7.1.2_TAHAP.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_K0060_HB03_20222_UiTM CPP_H1_7.1.3_TREN.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_K0060_HB04_20223_UiTM CPP_H1_7.1.4_PERBANDINGAN\(update\).pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_K0060_HB05_20224_UiTM CPP_H1_7.1.5_KEPENTINGAN\(update\).pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

HASIL DARI TUMPUAN PELANGGAN:

PENGIKTIRAFAN AKREDITASI DARI BADAN PROFESIONAL

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Kejayaan UiTM CPP telah dibuktikan dengan pengiktirafan akreditasi dari badan profesional seperti *Engineering Accreditation Council (EAC)*, dan *Engineering Technology Accreditation Council (ETAC)* dalam program-program kejuruteraan di UiTM CPP. Pengiktirafan ini memberikan **impak yang besar kepada kualiti keberhasilan dan kebolehpasaran graduan**. Pengiktirafan dari badan profesional seperti *EAC* dan *ETAC* membolehkan graduan kejuruteraan UiTM CPP **berdaftar sebagai jurutera siswazah** dan menghasilkan **graduan yang memenuhi kehendak pekerjaan di dalam dan luar negara**.

Pada tahun 2021, tiga (3) program kejuruteraan di UiTM CPP telah mendapat akreditasi penuh selama 6 iaitu Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia (Persekitaran) dengan Kepujian dan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan) dengan Kepujian. Kejayaan ini telah **meyakinkan pihak luar terhadap kepakaran warga UiTM CPP dalam bidang kejuruteraan** dan seterusnya **membuka peluang untuk berkolaborasi bersama pihak industri**. Dengan kepakaran yang diperoleh oleh warga UiTM CPP, UiTM CPP telah berjaya memeterai dua belas (12) Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA) bersama pihak industri dan agensi tempatan membolehkan sasaran PI 083 tercapai sepenuhnya.

Selain itu, hasil daripada pengiktirafan penuh program kejuruteraan di UiTM CPP, Unit Pengantarabangsa (OIA) UiTM CPP di bawah Bahagian Hal Ehwal Akademik telah berjaya menandatangani sepuluh (10) MoU bersama Universiti Antarabangsa. Dengan kepakaran dan kebolehan yang diketengahkan oleh staf akademik dari Pusat Pengajian Kejuruteraan, UiTM CPP telah berjaya menerima sejumlah besar geran industri melebihi RM 500 000 pada tahun 2021 sekaligus membantu memudahkan penyelidikan dijalankan diantara pihak UiTM CPP dan industri.

Disamping itu, bilangan program yang mendapat akreditasi di UiTM CPP juga menunjukkan peningkatan tren positif sebanyak lapan (8) program sekaligus mencapai sasaran OKK 2 UiTM CPP. UiTM CPP adalah **kampus cawangan yang setanding dengan kampus induk** apabila telah membuktikan kemampuan program sarjana muda dari Kejuruteraan Elektrik mendapat pengiktirafan penuh selama enam (6) tahun berbanding dengan program yang sama di UiTM Shah Alam yang tidak mendapat pengiktirafan penuh oleh EAC. Kejayaan ini dapat menonjolkan ketampakan UiTM CPP ke persada antarabangsa.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_K0060_HB02_20221_UiTM CPP_H2_7.2.2 TAHAP\(Level\).pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_K0060_HB03_20222_7.2.3. TREN \(Trend\)_update.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_K0060_HB04_20223_UiTM CPP_H2_7.2.4 Perbandingan.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_K0060_HB05_20224_7.2.5_Kepentingan.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

HASIL DARI PELAKSANAAN STRATEGIK:

PENINGKATAN BILANGAN STAF AKADEMIK DENGAN KELAYAKAN PROFESIONAL

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pemantapan berterusan terhadap kualiti pendidikan melalui pengiktirafan badan professional menjadi salah satu bukti kepada peningkatan taraf sistem pendidikan pembelajaran selaras dengan inti pati **Pelan Strategik UiTM 2025** untuk menjadikan **UiTM antara universiti terkemuka dunia**. Antara teras yang terkandung dalam pelan strategik tersebut adalah berkaitan dengan manifestasi Pendidikan Berkualiti selaras dengan objektif ketiga yang terkandung dalam dokumentasi **Fokus Strategik KPT 2021** untuk **memperkuhkan kebolehpasaran graduan**.

Pada tahun 2021, UiTM CPP telah mengambil inisiatif mewujudkan Objektif Kualiti Kampus (OKK) dan Objektif Kualiti Staf (OKS) yang merupakan komponen terpenting bagi memastikan bidang tumpuan yang terkandung dalam perancangan strategik dicapai dengan jayanya. Dalam merealisasikan objektif yang telah dimuktamadkan dalam OKS, warga akademik UiTM CPP telah disarankan untuk meningkatkan peratusan kualiti kesarjanaan melalui pemilikan kelayakan profesional dengan sasaran 20 orang menjelang tahun 2021. Selari dengan bidang tumpuan, OKK meletakkan kayu aras bagi 8 program kejuruteraan dan 12 program bukan kejuruteraan untuk mendapat pengiktirafan daripada badan-badan profesional. Kesyukuran dengan manifestasi tersebut, 30% pensyarah disasarkan mendapatkan kelayakan PhD menjelang tahun 2025.

Selain itu, teras komponen perancangan strategik UiTM CPP juga melibatkan indeks prestasi PI096 yang berkait rapat dengan syarat asas akreditasi daripada pihak *Engineering Accreditation Council* (EAC). Pada tahun 2021, EAC telah mengetatkan syarat akreditasi dengan menaikkan keperluan bilangan jurutera profesional kepada minima 30% dengan nisbah bilangan pensyarah kepada pelajar adalah 1:20. Justeru itu, UiTM CPP telah menetapkan syarat piawaian untuk 98 orang warga akademik memiliki kelayakan profesional pada tahun 2021 dalam usaha meningkatkan kualiti kesarjanaan warga UiTM CPP secara keseluruhan. Dengan pencapaian yang memberangsangkan melebihi sasaran perancangan strategik UiTM CPP, ianya sejajar dengan Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) dan Pelan Strategik UiTM.

Justeru itu, **Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA)**, telah diberi tanggungjawab untuk menjadi **nadi penggerak UiTM CPP** dalam menyediakan pengurusan akademik yang cekap dan berkesan agar kemampanan program akademik dapat berjalan dengan lancar. Demi menyokong serta mencapai hasrat murni UiTM CPP dalam pelan strategik universiti, BHEA berperanan mewujudkan suasana harmoni, ceria, bersikap telus dan profesional dalam menyediakan perkhidmatan yang berkesan berasaskan kecanggihan teknologi terkini. UiTM CPP dengan rasa penuh inspirasi, berkongsi pencapaian dan kejayaan yang telah dicapai selaras dengan penetapan yang berlandaskan manifestasi yang dinyatakan dalam OKK, OKS dan PI096 selaras dengan BT yang telah dipilih.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_K0060_HB02_20221_UiTM CPP_H3_7.3.2 TAHAP .pdf](#)

TREND (TREN)

BUKTI : [H3_K0060_HB03_20222_UiTM CPP_H3_7.3.3 TREND .pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_K0060_HB04_20223_7.3.4 PERBANDINGAN.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_K0060_HB05_20224_7.3.5 KEPENTINGAN.pdf](#)